



**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
Mesyuarat Kedua  
Penggal Yang Ketiga  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)

“ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)

“ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

- “ Dato’ Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P.  
(Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato’ Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah  
Persekutuan)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik -  
Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I.,  
A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T.,  
P.J.K., J.P.  
(Dilantik)
- “ Tuan Jangu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N.  
(Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P.  
(Dilantik)

- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N.,  
P.J.K., J.P.  
(Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K.  
(Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l  
Muthandi  
(Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T.  
(Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S.,  
S.M.S.,  
A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K.,  
A.M.S.  
(Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,  
B.K.M., P.J.K.,  
J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

**DEWAN NEGARA**  
**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Yusop,	Hajah Shamsiah binti Mohd. P.P.N.

**PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 7 Ogos 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**BANTUAN INDUSTRI LUAR BANDAR - LANGKAH MEWUJUDKAN  
LEBIH RAMAI USAHAWAN KECIL DAN SEDERHANA**

1. **Tuan Rosli bin Mat Hasan** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sejauh mana Bantuan Industri Luar Bandar dapat dijayakan dan berapakah unjuran peruntukan dan langkah kementerian bagi mewujudkan lebih ramai usahawan kecil dan sederhana di luar bandar bagi tempoh 5 tahun yang akan datang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar**

[**Tuan Douglas Uggah Embas**]: Tuan Yang di-Pertua, Projek Industri Kampung yang dikenali sebagai BIK telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan Rancangan Malaysia Kelima. Program ini telah digantikan dengan Program Pembangunan Industri Luar Bandar mulai

Rancangan Malaysia Keenam dan diteruskan hingga Rancangan Malaysia Ketujuh.

Bagi aktiviti bantuan mesin, sejumlah 1,820 projek BIK telah diluluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima dan sejumlah 707 projek telah menerima bantuan mesin dalam Rancangan Malaysia Keenam. Setakat ini sehingga 30 Jun 1997 sebanyak 22 projek telah diluluskan. Berdasarkan kepada bancian kementerian yang telah dijalankan terhadap 1,617 projek yang telah diluluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima, didapati sebanyak 628 projek masih beroperasi. Melalui jumlah tersebut, 11 dikategorikan sebagai berjaya, 23 jaya, 212 memuaskan, dan 362 memerlukan perhatian. Bagi projek-projek PLB yang dilulus dalam Rancangan Malaysia Keenam, 560 projek dianggap berjaya.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, sejumlah RM119 juta telah diperuntukkan untuk program PLB. Adalah dijangkakan seramai 250 pengusaha akan dapat diwujudkan atau dipertingkatkan dalam tempoh 5 tahun ini. KPLB juga akan mengusahakan supaya sekurang-kurangnya 30 pengusaha dapat dibimbing bagi mencapai tahap persijilan standard yang diiktiraf seperti amalan peningkatan kualiti. Ke arah itu, maka Program Industri Luar Bandar ini telah dilaksanakan secara pakej di mana aktiviti-aktiviti sokongan yang lain, seperti latihan kemahiran, akaun, kualiti dan lain-lain yang berkaitan, pembinaan, infrastruktur kilang, promosi dan pemasaran telah dibuat secara bersepadu. Dengan pendekatan ini, pengusaha-pengusaha akan didedah kepada perkara-perkara yang prinsip dan penting bagi membolehkan mereka



menguruskan perusahaan mereka dengan lebih berkeyakinan dan baik. Dengan cara ini, kegagalan pengusaha-pengusaha luar bandar akan dapat dikurangkan.

Kejayaan program ini tidak boleh bergantung semata-mata dengan pemberian bantuan, tetapi harus juga disokong dengan iltizam, kemahiran, pengetahuan dan ketekunan pengusaha untuk menjayakan perusahaan mereka.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah kementerian berkenaan memberikan bantuan kepada koperasi-koperasi di luar bandar dan pengusaha-pengusaha kecil, industri kecil di luar-luar bandar, sama ada bantuan bentuk pinjaman ataupun bantuan geran?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, kita memberi bantuan kepada syarikat-syarikat bumiputera, termasuk koperasi yang bertaraf bumiputera dan pengusaha-pengusaha kecil dari segi bantuan mesin dan kita memberi latihan dan bimbingan, tetapi kita tidak ada memberi pinjaman. Pinjaman itu boleh didapati dari bank.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya diberitahu ada kementerian-kementerian lain yang terlibat dalam Program Pembangunan Usahawan Kecil dan Sederhana. Soalan saya ialah adakah wujud satu mekanisme penyelarasan di antara kementerian-kementerian untuk memastikan kejayaan usaha tersebut?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa banyak kementerian yang mempunyai pelbagai program dalam membangunkan usahawan-usahawan. Tetapi bagi Kementerian Pembangunan

Luar Bandar bermula dengan pengusaha-pengusaha di luar bandar yang taraf mereka masih kecil dengan bayaran modal tidak lebih dari RM2 juta. Jadi, kita membantu mereka dari segi mesin dan sebagainya. Ada juga kementerian yang menyelaraskan aktiviti-aktiviti ini supaya segala aktiviti-aktiviti membantu mereka ini dapat disatukan.

### **KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM BERSEPADU - USAHA MEMPERKUKUH AKHLAK PELAJAR**

2. **Dato' Saad bin Haji Man [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan cita-cita kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai iman dan takwa di kalangan para pelajar menerusi pendidikan Islam adalah sesuatu yang boleh memperkukuhkan akhlak pelajar. Oleh itu, adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan Kurikulum Pendidikan Islam bersepadu di sekolah-sekolah aliran Agama pada tahun 1998. Apakah bentuk kurikulum tersebut dan cara pelaksanaannya.

#### **Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.**

**Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam yang baru memberi penekanan kepada iman dan takwa serta pengukuhan akhlak. Ia sedang dilaksanakan secara percubaan di 40 buah sekolah; mengandungi 20 buah sekolah kebangsaan dan 20 buah sekolah menengah kebangsaan pada tahun ini.

Dapatan daripada percubaan ini didapati sangat menggalakkan. Pelaksanaan sepenuhnya di semua sekolah kerajaan akan dilakukan mulai tahun 1998. Bentuk kurikulum adalah bersepadu dan mempunyai tumpuan khusus kepada beberapa perkara penting yang boleh mengukuhkan iman dan akhlak dengan kaedah pengajaran yang lebih menarik dan mudah. Walau bagaimanapun, masa di sekolah adalah terhad, maka kurikulum hidup bersama

ibu bapa di rumah dengan nilai-nilai yang baik mestilah dihayati oleh ibu bapa dan keluarga.

**Datuk Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pihak Kementerian Pendidikan telah pun mengumumkan bahawa mata pelajaran Tamadun Islam, selepas itu ditukar kepada Tamadun Asia akan dijadikan satu mata pelajaran wajib di pusat-pusat pengajian tinggi. Jadi, adakah kerajaan bercadang pula mewajibkan mata pelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia ini di peringkat sekolah menengah, dan jika ya, bila akan dilaksanakan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita banyak membaca berkenaan dengan tabiat mengotorkan tempat-tempat awam. Jadi, saya ingin tahu dengan wujudnya pendekatan bersepadu dari segi agama untuk diajar di sekolah-sekolah, adakah kebersihan dijadikan sebagai satu mata pelajaran dari segi didikan dan bolehkah pihak kerajaan menyatakan dalam Dewan yang mulia ini adakah mereka berpuas hati dengan keadaan di sekolah-sekolah yang mencerminkan kesucian dan kebersihan, termasuklah bangku-bangku budak-budak sekolah semuanya tidak, uzur dan sebagainya. Bilik-bilik guru semuanya rapi, dan maintenance, dengan izin, dari segi membaik pulih keadaan sekolah yang tidak bercat, yang berkarat dan sebagainya. Adakah ini merupakan salah satu pendekatan yang dibawa oleh pihak kerajaan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan Dato' Seri Najib telah pun melancarkan suatu gerakan untuk memastikan agar sekolah-sekolah di negara kita ini mengamalkan soal kebersihan dengan cara kita menggalakkan sekolah-sekolah yang dipimpin oleh guru-guru besar dan pengetua-pengetua supaya mengambil setiap langkah yang perlu untuk memastikan keadaan persekitaran di sekolah-sekolah seboleh-bolehnya sentiasa dalam keadaan yang bersih.

Yang keduanya, dalam proses kita melaksanakan usaha demikian, kita uruskan melalui rangsangan atau persuasion, galakan dan kita tidak boleh hendak memaksa murid-murid ataupun pelajar-pelajar, tetapi kita harap melalui galakan, dorongan dari masa ke semasa kita dapat pupuk nilai dan budaya ini supaya dijadikan amalan, terutama sekali di kalangan murid-murid bukan sahaja di peringkat sekolah, malahan membawa kepada luar sekolah sama ada di rumah ataupun di kawasan-kawasan umum.

Yang ketiganya, suka saya jelaskan kita tidak berhasrat untuk menjadikan soal kebersihan ini sebagai salah satu daripada mata pelajaran kita, sebab kita percaya melalui usaha-usaha, dorongan dan galakan ini kita yakin ianya dapat dipupuk di kalangan murid-murid sekolah.

Begitu juga tentang soal hendak menyelenggarakan keadaan ataupun kawasan terutama sekali bangunan-bangunan di sekolah, ini memang kita uruskan di sepanjang tahun melalui peruntukan yang disediakan oleh kerajaan.

**PEGUAM NEGARA - KRISI KEYAKINAN TERHADAP  
IMEJ DAN KEWIBAWAAN**

3. **Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa berikutan krisis keyakinan banyak pihak terhadap imej dan kewibawaan Peguam Negara, adakah kerajaan bercadang untuk melantik Peguam Negara sebagai Menteri Kehakiman yang sah dan bersedia menjawab di Parlimen di atas segala tindak tanduknya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:**

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan di sini, kita tidak ada krisis keyakinan terhadap imej dan kewibawaan Peguam Negara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Malah kerajaan yakin beliau telah melaksanakan tugas-tugas beliau dengan kewibawaan yang konsisten dengan tanggungjawab dan fungsi-fungsi yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendapat tidaklah perlu Peguam Negara dilantik sebagai Menteri Kehakiman dan kerajaan juga percaya sistem yang ada sekarang berhubung dengan perantikan Peguam Negara tidak perlu dipertikaikan. Apa juga persoalan yang timbul mengenai pelaksanaan tugas-tugas Peguam Negara telah pun diberi jawapan di Dewan ini melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara perundangan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** Tuan Yang di-Pertua, pendidikan penting, tetapi sudah terlepas tak payahlah. Soalan tambahan saya sejauh manakah kerajaan dapat memastikan kes-kes yang tertangguh terlalu banyak ini dapat diselesaikan dengan segera, adakah sistem yang ada sekarang ini yang menyebabkan banyak kes-kes tertangguh?

**Datuk Chong Kah Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang tertanggung setakat ini di negara kita adalah oleh kerana beberapa sebab, tetapi perkara itu kalau saya tidak silap adalah diluar daripada soalan asal ini

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya adalah menentang pandangan dari PAS ini, soalan ini saya tidak bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, setakat ini Peguam Negara adalah seorang peguam yang bertanggungjawab dan menjalankan tugas dengan adil dan saksama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Yim Chee Chong:** Soalan saya belum sampai. *[Ketawa]* Terima kasih! Adakah Yang Berhormat Datuk Chong bersetuju tentang pandangan saya bahawa banyak pihak yang tidak berpuas hati terhadap Peguam Negara ataupun mengadakan krisis keyakinan terhadap imej dan kewibawaan Peguam Negara adalah dari pihak pembangkang iaitu dari DAP dan PAS sahaja, cuma untuk political mileage parti mereka itu. Bersetuju atau tidak pandangan saya yang tepat ini, Yang Berhormat Datuk? *[Ketawa]*

**Datuk Chong Kah Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju 100%.  
*[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih.

#### **BAHASA MANDARIN DALAM PROGRAM CINA DI TV MALAYSIA - PENGGUNAAN**

4. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Penerangan menyatakan masih ada banyak filem Cina disiarkan melalui TV Malaysia dalam dialek/loghat yang tertentu. Ini adalah bertentangan dengan permintaan dan hasrat kebanyakan pertubuhan dalam masyarakat Cina. Untuk mendapat kesan yang maksimum,

adakah kerajaan bercadang untuk menggunakan bahasa Cina baku iaitu Mandarin dalam semua program Cina TV Malaysia. Kalau tidak, kenapa.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan tidak bercadang untuk mewajibkan penggunaan bahasa Mandarin dalam program Cina di Televisyen Malaysia. Ini adalah kerana bahasa Mandarin bukan bahasa rasmi negara.

Kedua, dasar bahasa komunikasi yang dipakai oleh RTM ialah pelbagai bahasa dan dialek, dengan tujuan untuk menyampaikan mesej kerajaan kepada seramai mungkin penonton yang terdiri dari pelbagai keturunan di Malaysia.

Penggunaan Bahasa Kebangsaan adalah diutamakan dan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua akan ditingkatkan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah menjadi kewajipan kepada mereka yang menyiarkan program televisyen dan juga wayang-wayang dimestikan untuk membuat alih bahasa ditulis bahasa itu kadang-kadang dari segi bahasanya lebih besar daripada gambar, kalau kita menonton wayang ataupun dalam peti televisyen dan kalau ya, kenapa program televisyen Astro tidak menampakkan alih bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, adalah satu keharusan subtitle ini dibuat dan kita memberi masa kepada Astro, kadang-kadang ada terdapat program yang terus dipancar daripada luar negara dan

Astro telah pun membuat komitmen agar ia dapat dilakukan dengan secepat mungkin.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, pada pandangan kerajaan khususnya Kementerian Penerangan adakah dengan membenarkan terlalu banyak stesen-stesen TV, sekarang ini ada stesen TV4 pula telah diluluskan dengan pelbagai jenis program sesuai dengan semangat memupuk suatu bangsa Malaysia yang bersatu padu.?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita berharap dengan izin, open sky policy dan banyaknya saluran televisyen ini dapat membentuk masyarakat yang bermaklumat di negara ini dan masyarakat yang bermaklumat akan menjadi asas untuk memupuk perpaduan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini dalam televisyen pada petang-petang hari pukul 6.00 petang atau pukul 7.00 malam sebelum Maghrib banyak sangat cerita siri Cina dan Melayu dan ini menjadi kegemaran, siri-siri TV ini cerita yang pendek-pendek dan panjang-panjang ini pada petang hari ia selalu disiarkan, Tuan Yang di-Pertua barangkali tidak ada masa hendak menonton. *[Ketawa]* Jadi, tidak tahu, jadi saya tahu sedikit-sedikit sebab saya bila balik saya melihat perempuan saya menonton televisyen siri ini.

Jadi, cerita-cerita yang datang dari Hong Kong, dari negeri China barangkali, amat diminat oleh bukan sahaja orang Cina tetapi juga orang-orang Melayu sekarang berminat sangat dengan cerita-cerita ini. Jadi, adakah pihak kerajaan bercadang untuk hendak dialihbahasakan ke dalam bahasa Malaysia,



dengan izin, dubbing dalam bahasa Malaysia supaya ramai lagi orang menonton cerita-cerita yang sungguh menarik ini. Begitu juga cerita Melayu itu dubbing kepada bahasa Cina pula. *[Ketawa]*

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan ambil perhatian dalam masalah ini.

#### **TAMAN RIADAH KANAK-KANAK - PEMBINAAN DI TAMAN PERUMAHAN**

**5. Puan Tan Ah Eng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kementerian/jabatan atau agensi di bawah jagaannya mempunyai syarat-syarat atau peraturan-peraturan tertentu dalam menentukan bahawa setiap pemaju perumahan perlu membina dan menyediakan sekurang-kurangnya sebuah Taman Riadah Kanak-kanak yang lengkap, iaitu dilengkapi dengan segala peralatan mainan kanak-kanak dalam sesebuah projek pembangunan taman perumahannya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah mengadakan garis panduan dan piawaian yang menetapkan sebanyak 10% daripada kawasan pembangunan dijadikan kawasan lapang.

Pembinaan peralatan mainan akan dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan di kawasan-kawasan berkenaan.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah mengapakah di kawasan luar bandar terdapat sangat berkurangan peralatan mainan kanak-kanak berbandingkan dengan kawasan di bandar, mengapakah ada dasar perbezaan itu.,

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, di kawasan-kawasan luar bandar kalau ianya di bawah pihak berkuasa tempatan, selalunya adalah

tanggungjawab pihak berkuasa tempatan untuk membina peralatan-peralatan ini. Tetapi kalau ianya di dalam kampung-kampung yang di luar daripada kawasan pihak-pihak berkuasa tempatan adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri atau pejabat daerah. Dalam perkara ini kerjasama pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung adalah perlu.

Dan kalau ianya (peralatan) tidak ada bermakna Jawatankuasa Kerja Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) itu sendiri yang kurang prihatin dan tidak meminta peralatan ini daripada Wakil Rakyat masing-masing ataupun daripada kerajaan negeri sendiri.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberikan syarat kepada pemaju-pemaju dan membangunkan sesuatu kawasan itu untuk mendirikan surau atau sekolah agama kerana sesuai dengan keadaan untuk memperelokkan akhlak penduduk-penduduk yang baru mendiami kawasan tersebut.?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada pihak pemaju hanya diminta menyediakan kawasan yang mencukupi tetapi pembinaannya (selalunya) dibuat oleh pihak kerajaan sendiri., Tetapi ada juga dalam projek-projek di mana pemaju itu sendiri. Ini bermakna dari segi dasar, jawapannya, ada.

**Tuan M.G. Pandithan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan, beri chance sedikit kepada MIC. *[Ketawa]*

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar banyak tempat-tempat bermain atau taman-taman permainan kanak-kanak dimajukan dengan bangunan perumahan dan kedai. Apakah tindakan kerajaan dan bagaimana ini boleh berlaku?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham. Adakah soalan ini bermakna tapak-tapak permainan itu ditukar syarat dan dimajukan oleh pemaju?

**Tuan M. G. Pandithan:** Ya.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Adakah itu soalnya?

**Tuan M. G. Pandithan:** Ya.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kuasa dalam bidang tanah adalah kuasa (hak) kerajaan negeri. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak ada kuasa mengenai hal tanah di mana-mana negeri, ini adalah kuasa pihak tempatan. Jadi, ada didapati (di tempat-tempat) di mana tapak-tapak permainan diubah syarat dan dijadikan kondominium dan ada tempat-tempat yang dijadikan kawasan perniagaan.

Ini adalah satu perkara yang menyedihkan dan pihak kementerian telah pun memberi arahan dan nasihat kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya mengelak perkara ini dari berlaku dan kalaulah ianya pun terpaksa dimajukan maka kawasan yang lain, yang setanding dan yang lebih sesuai perlu dicari sebagai ganti. Pendirian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah supaya semua kawasan yang disediakan untuk tapak-tapak permainan harus dikekalkan.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini special untuk Sabah! Kalau tidak nanti, dia balik terkilan pula. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada tahun lepas di Dewan yang mulia ini bila kita sentuh syarat- syarat untuk membina perumahan, saya masih teringat dan saya kurang ingat apa jawapan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai dengan nama-nama perumahan ini. Sebagai contoh, ada beberapa tempat nama ini diberi nama 'Beverly Hills', kemudian lain-lain nama western name, dengan izin. Jadi, apakah kementerian berhasrat untuk mengenakan syarat supaya nama-nama perumahan ini biarlah nama tempatan atau ala-Malaysia.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini luar daripada soalan asal tetapi biarlah saya cuba menjawab. Sebagai dasarnya kita tidak ada satu arahan yang tetap. Kita berpandu dan kita mengharapkan kerajaan-kerajaan negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan masing-masing untuk mengawal nama-nama ini. Pernah dalam beberapa tahun yang lalu perkara ini dibangkitkan dan berlaku sedikit perubahan di Kuala Lumpur tetapi selepas itu perkara ini telah dilupakan dan sekarang bukan sahaja di banyak tempat dalam negara, bahkan di Kuala Lumpur sendiri nama-nama Barat, Perancis, Sepanyol dan sebagainya timbul di rata-rata termasuk di kawasan-kawasan pinggir bandar. Saya bersetuju bahawa perkara ini adalah satu gejala yang tidak sihat dan kita yang menghargai maruah bangsa dan maruah negara perlulah cuba membela, dan Yang Berhormat yang datang dari kawasan masing-masing

bolehlah membangkitkan perkara ini dengan kerajaan negeri masing-masing.

Terima kasih.

**SYARIKAT BAS INTRAKOTA - POTONGAN TAMBANG  
KEPADA PELAJAR SEKOLAH**

6. **Dato' P. Krishnan** Minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) kenapakah syarikat Intrakota tidak memberikan tambang yang rendah kepada pelajar-pelajar sekolah begitu juga bas-bas mini yang beroperasi di Lembah Kelang; dan
- (b) untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas kenapakah tidak diperkenalkan bas dua tingkat sebagaimana pernah dibuat semasa Syarikat Bas Sri Jaya suatu ketika dahulu.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada 3 Februari tahun ini, Syarikat Intrakota Consolidated Berhad mulai memberi potongan 50% kepada pelajar-pelajar sekolah yang menaiki basnya dengan mengguna pas tambang bulanan. Di sebaliknya bas-bas mini tidak memberi potongan tambang kepada pelajar-pelajar tersebut;
- (b) Pada dasarnya kementerian tiada halangan mana-mana syarikat bas yang ingin mengguna bas dua tingkat tertakluk kepada spesifikasinya diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Walau bagaimanapun, penggunaan bas dua tingkat ada kekangan fizikalnya seperti terbukti dalam percubaan syarikat Bas Sri Jaya empat, lima tahun dahulu dengan menggunakan bas dua tingkat jenis Leyland di Bandaraya Kuala Lumpur. Percubaan ini gagal

oleh kerana terdapatnya, pertama terlalu banyak dahan-dahan pokok yang rendah dan keduanya, beberapa laluan di bawah jejambat tidak boleh dilalui.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini masalah yang rumit yang kita hadapi ialah masalah kesesakan lalu lintas di kota raya Kuala Lumpur. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan hendak memperkenalkan sistem baru di kota ini iaitu jalan-jalan yang penuh sesak dengan penumpang-penumpang itu - orang hendak pergi kerja, budak sekolah hendak pergi ke sekolah-sekolah yang ramai muridnya mengikut zon. Adakah kita hendak perkenalkan naik bas free dalam zon-zon yang tertentu, tidak payah bayar tambang. Jadi, ini akan mengurangkan kesesakan lalu lintas di kota sepertimana yang dibuat di Kota Perth, Australia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini tidak ada lagi cadangan dari pihak kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan bas percuma tetapi mungkin di masa-masa akan datang kalau ada didapati yang ini tidak akan membebankan kerajaan, mungkin kerajaan akan membuat pertimbangan.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Syarikat Intrakota kerana telah memberikan kemudahan 50% diskaun kepada penuntut-penuntut sekolah. Soalan saya ialah adakah bas-bas yang disediakan oleh syarikat Intrakota ini sebenarnya mencukupi ataupun tidak sepenuhnya - sekurang-kurangnya 50% daripada

keperluan pelajar-pelajar sekolah di Lembah Kelang yang memerlukan perkhidmatan bas. Terima kasih.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Syarikat Intrakota merupakan perkhidmatan bas henti-henti biasa. Perkhidmatan bas sekolah disediakan oleh bas sekolah itu sendiri tetapi keseluruhannya perkhidmatan bas Intrakota di bandaraya Kuala Lumpur masih lagi belum mencukupi, sebab itulah pada masa ini kita masih mempunyai sejumlah 386 buah bas mini yang masih lagi beroperasi selepas 424 telah dihentikan. Walau bagaimanapun, Intrakota menambah basnya dari masa ke semasa.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat negara-negara maju seperti di UK, misalnya, pihak Jabatan Kebajikan akan mengeluarkan kad-kad keistimewaan kepada orang-orang tua bagi menaiki bas dan juga kenderaan lain sepertimana terima kasih saya atas keprihatinan dikurangkan harga tambang kepada pelajar sekolah tadi. Soalan saya adakah pihak Syarikat Intrakota bercadang untuk mengikuti kemajuan yang telah ditunjukkan oleh negara maju seperti itu? Terima kasih.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat itu. Saya akan mengemukakan cadangan itu kepada Syarikat Intrakota untuk mereka mengimplementasikannya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Dr. Yeow Seng Huat.

**Dr. Yeow Seng Huat:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum Datuk lagi, Dr. sahaja. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dr. Sahaja.

**Dr. Yeow Seng Huat:** Dan ejaan saya itu silap ya. Y.E.O.W. bukan Y.E.O.H.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Y.E.O.H.?

**Dr. Yeow Seng Huat:** Y.E.O.W.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yeow?

**Dr. Yeow Seng Huat:** Yeow.

### **CUKAI - PELEPASAN PERBELANJAAN UNTUK PERBELANJAAN IBU BAPA**

7. **Dr. Yeow Seng Huat** minta Menteri Kewangan menyatakan iaitu di bawah pelepasan cukai yang diberi kepada mereka yang boleh dikenakan cukai, adakah kementerianya bercadang untuk meminda:-

- (a) pelepasan perbelanjaan untuk perubatan ibu bapa sebanyak lima ribu ringgit itu kepada perbelanjaan perubatan berasaskan setiap bil yang dibayarnya untuk tahun yang ditaksir itu; dan
- (b) pelepasan perbelanjaan perubatan bagi individu, isteri atau anak yang mengidap penyakit yang sukar diubati sebanyak lima ribu ringgit itu kepada perbelanjaan perubatan berasaskan setiap bil yang dibayarnya untuk tahun yang ditaksir itu.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pelepasan perbelanjaan untuk perubatan ibu bapa yang diberi kepada individu adalah sehingga had maksimum RM5000 manakala pelepasan perbelanjaan perubatan bagi individu, isteri atau anak yang menghidapi penyakit yang sukar diubati diberi juga sehingga had maksimum RM5000. Kesemua pelepasan yang dituntut itu hendaklah dibuktikan dengan resit asal dan surat pengesahan daripada pengamal perubatan yang didaftarkan dengan Malaysia Medical Association (MMA). Pada masa ini



kerajaan berpendapat bahawa jumlah pelepasan yang diberi bagi kedua-dua perbelanjaan perubatan tersebut adalah memadai. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa mengkaji semula had pelepasan tersebut mengikut keperluan semasa.

### **PADI NEGARA - RANCANGAN MENINGKATKAN PENGELUARAN**

8. **Tuan Abdillah bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan lagi pengeluaran padi negara di samping mengurangkan kos pengeluarannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian sedang dan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi pengeluaran padi negara di samping mengurangkan kos pengeluarannya. Pada asasnya usaha-usaha yang dijalankan melibatkan antara lainnya pendekatan-pendekatan peningkatan pengeluaran padi melalui:-

- (i) amalan di peringkat sawah;
- (ii) kekerapan tanaman; dan
- (iii) pengurusan sawah yang lebih cekap dan komersial.

Bagi meningkatkan hasil dan mengurangkan kos pengeluaran di peringkat sawah, petani-petani digalakkan menggunakan pakej teknologi pengeluaran padi yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian atau lembaga-lembaga seperti MADA dan KADA yang menjalankan aktiviti pengembangan. Teknologi-teknologi yang disyorkan meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Amalan pengurusan perosak bersepadu (integrated pest management) yang memberi penekanan kepada kawalan perosak seperti rumpai dan serangga secara kultura, biologi, mekanikal atau fizikal. Amalan ini dapat mengurangkan penggunaan racun dan seterusnya mengurangkan kos;
- (ii) Penggunaan jenis baja dan kuantiti baja yang sesuai dan tepat. Selain dari dapat mengelakkan pembaziran baja serta kos yang tidak diperlukan kaedah ini dapat memaksimumkan pengeluaran hasil;
- (iii) Pengurusan air sawah yang sempurna dengan meratakan sawah dan penyediaan parit dan pintu-pintu kawalan air bagi tujuan menyeragamkan pertumbuhan pokok padi, mengelakkan pembaziran baja, mengurangkan masalah rumpai yang seterusnya mengurangkan penggunaan racun rumpai; dan
- (iv) Penggunaan varieti padi yang disyorkan dan biji benih yang berkualiti. Selain dari menjamin hasil yang tinggi, varieti yang disyorkan mempunyai ciri-ciri ketahanan kepada serangan penyakit dan serangga manakala biji benih yang berkualiti yang tidak bercampur dengan varieti lain atau biji benih rumpai dapat mengurangkan masalah rumpai dan mengurangkan penggunaan racun.

Peningkatan kekerapan tanaman (cropping intensity) boleh memberi sumbangan besar kepada penambahan pengeluaran padi negara. Pada masa

sekarang kekerapan tanaman padi di kawasan-kawasan jelapang padi negara adalah lebih kurang 177% secara purata. Kementerian Pertanian merancang untuk meningkatkan lagi tahap ini dengan cara menyediakan infrastruktur yang lebih sempurna termasuk bekalan air yang mencukupi bagi semua kawasan jelapang padi supaya tanaman padi dua kali atau lebih setahun boleh dijalankan secara menyeluruh dan dengan demikian dapat menambah pengeluaran padi negara.

Bagi tujuan pengurusan sawah yang lebih cekap, petani-petani digalakkan menyertai projek-projek berkelompok dan mini-estet yang diusahakan oleh pertubuhan-pertubuhan peladang. Kaedah pengurusan sawah seperti ini membolehkan unit pengeluaran yang lebih cekap dilaksanakan dengan penyatuan lot-lot tanah yang kecil. Ini dapat membantu dan memudahkan penggunaan teknologi-teknologi yang disyorkan dengan secara lebih berkesan di samping dapat mengurangkan masalah-masalah berkaitan dengan penanaman padi seperti pengurusan air dan serangan perosak seperti rumpai dan serangga melalui pelaksanaan jadual tanaman yang teratur. Selain dari dapat mengurangkan kos bagi petani-petnai yang terlibat, cara ini dapat meningkatkan hasil pengeluaran padi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Charern Intachat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di negeri Kedah banyak kawasan sawah padi telah dijadikan tapak dan kawasan perumahan dan trend ini akan berterusan. Adakah pihak Kementerian Pertanian sedar tentang perkara ini dan merancang untuk membuka tanah untuk dijadikan sawah-sawah padi baru untuk meningkatkan pengeluaran padi di

negeri ini. Jika ada di kawasan manakah yang hendak dijadikan tempat menanam padi ini, jika tidak, mengapa?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Banyak soalan itu. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri adalah berkuasa berkenaan dengan tanah sebab itulah dari segi ini kita berbincang dengan Exco-exco Pertanian di seluruh negeri bagi merancang sesuatu supaya tidak diubahkan tanah berkenaan daripada pertanian kepada hal-hal lain. Setakat ini pihak kementerian hanya dapat menasihati sahaja dan tentulah kita terpaksa berusaha bersama dengan kerajaan negeri untuk menentukan jelapang-jelapang padi yang terlibat tidak ditukarkan. Berkenaan dengan soalan kedua, adakah kementerian bercadang hendak menambahkan kawasan padi. Buat masa sekarang ini kita tidak bercadang untuk berbuat demikian sebab jelapang-jelapang padi yang ada sekarang ini dan 8 buah jelapang padi dan 74 buah mini jelapang padi adalah mencukupi dan pihak kerajaan tidak bercadang hendak menambahkan lagi hanya kalau pihak-pihak swasta yang ingin melibatkan diri kita akan membantu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan. Saya mendapat faham bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyarankan supaya satu jawatankuasa peringkat kebangsaan ditubuhkan bagi mengkaji tentang kos-kos pengeluaran padi yang meningkat dari satu masa ke satu masa. Adakah jawatankuasa ini telah ditubuhkan?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Pihak kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa yang akan melaporkan perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Soalan saya adakah jawatankuasa yang dicadang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini telah ditubuhkan?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** *[Mengangguk]*

**Tuan Long bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah nama padi baru yang diumumkan baru-baru ini dan sila nyatakan kehebatannya atau ratio perbandingan dengan padi yang lama dan adakah kementerian bercadang atau terfikir atau sudah ada kajian terhadap padi bukit sebab padi bukit ini tidak menggunakan air dan salah satu kos pengeluaran padi berpunca daripada air. Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, tentang nama ini saya lupa. *[Ketawa]* Hanya nombor sahaja - diberi nombor MR berapa pun tidak tahulah tetapi kalau boleh saya akan memberikan jawapan-jawapan yang lebih tepat lagi. Berkenaan dengan padi bukit memanglah kerajaan - kita ada padi bukit di Semenanjung Malaysia dan juga di Sarawak, terdapat padi bukit ini yang begitu cantik sekali tetapi masalahnya ialah macam padi sawah, saya ingat padi Bario, walaupun wangi baunya tetapi hasilnya rendah sebab itu kita tidak menggalakkan, malahan di kawasan-kawasan Perak dululah, saya masih ingat semasa bekerja di Perak dulu, kita tanam padi huma tetapi hasilnya tidak cukup, tidak tinggi. Itu yang menyebabkan kita berpatah balik kepada padi basah ini, jadi dengan MR84 semua ini kita dapat hasil tinggi. Terima kasih.

## **RUMAH SETINGGAN DI KAWASAN BANDAR - BANTUAN INFRASTRUKTUR**

**9. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelaskan adakah kementerian sedar akan segolongan masyarakat miskin terutama di bandar-bandar utama yang tinggal di kawasan-kawasan haram kerana tidak mampu memiliki rumah sendiri. Kawasan-kawasan ini pula tidak mempunyai saluran air atau pembuangan najis yang bersih dan sering menjadi mangsa kebakaran kerana tidak mempunyai aliran elektrik yang selamat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah golongan miskin yang menduduki rumah-rumah setinggan di bandar-bandar utama di seluruh negara.

Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- dengan membancai dan mendaftar setinggan-setinggan;
- memindah dan menempatkan semula setinggan-setinggan;
- melaksanakan rumah kos rendah oleh sektor awam dan swasta;
- menyediakan kemudahan pinjaman membeli rumah kos rendah;
- membeli rumah kos rendah dari pemaju swasta; dan
- menyediakan rumah awam untuk disewa.

Di samping itu, penyediaan kemudahan awam yang asas dan membina seperti bekalan elektrik, bekalan air dan jalan masuk diteruskan bagi kawasan-kawasan setinggan yang terletak di bandar-bandar utama atas dasar kemanusiaan dan sebagai langkah sementara.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, setakat ini dapatkah kerajaan nyatakan masih banyak lagikah rumah-rumah setinggan ini terdapat di bandar-bandar, terutama sekali di Kuala Lumpur. Dan apakah program khusus bagi menghapuskan sekali gus rumah-rumah setinggan ini, terutama sekali bila ada rumah-rumah setinggan ini dimanipulasi oleh orang-orang yang berada?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, angka sebenarnya tidak ada di depan saya, tetapi masih banyak terdapat terutama di sekitar dan kawasan-kawasan yang berdekatan dengan Kuala Lumpur, dalam negeri Selangor, begitu juga di bandar-bandar lain. Jadi, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini penekanan telah dibuat agar keseluruhan kawasan setinggan dalam bandar dapat dihapuskan. Walaupun masalah ini memang masalah yang besar, namun kita akan cuba sedaya upaya agar ianya dapat diatasi.

**Puan Sri Sarasa Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Isu perumahan kos rendah adalah satu isu yang hebat di negara kita. Saya bimbang dengan nasib mangsa-mangsa kebakaran dari kawasan setinggan di atas tanah kerajaan ataupun tanah swasta, khususnya di Wilayah Persekutuan. Mereka hilang semua harta-benda dan ditempatkan di dewan raya untuk sementara. Berapa lamakah mangsa-mangsa ini dibenarkan duduk di dewan raya? Dan adakah semua mangsa kebakaran ini diberi peluang untuk menduduki rumah panjang?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang akhir itu sama ada semuanya ditempatkan di rumah panjang, saya tidak dapat memberi

jawabannya sekarang. Tetapi sememangnya semua mangsa kebakaran, khasnya mereka yang berasal dari kawasan-kawasan setinggian diberi bantuan dengan apa cara jua pun, kebanyakan mereka ditempatkan di rumah-rumah awam kos rendah, kalau ada. Ada juga yang menumpang di rumah-rumah saudara. Tetapi pada dasarnya kerajaan memberi keutamaan kepada mereka; yang mampu membeli, mereka diberi keutamaan untuk membeli rumah-rumah murah; yang tidak mampu, mereka digalakkan menyewa rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh kerajaan khasnya dalam bandar.

#### **KAD PENGENALAN BERWARNA MERAH - BILANGAN**

**10. Tuan Low Kai Meng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sehingga kini, berapa orangkah yang masih memiliki kad pengenalan berwarna merah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat Mei 1997, jumlah pemegang Kad Pengenalan Bermutu Tinggi berwarna merah yang terdiri daripada pelbagai kaum di Malaysia adalah 240,185.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, berapakah jumlah penduduk taraf tetap yang telah diberi oleh kerajaan kepada penduduk asing seperti orang Indonesia, Bangladesh dan lain-lain? Apakah syarat dan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan kepada mereka yang menggunakan kad pengenalan palsu?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, penduduk tetap adalah satu keistimewaan (privilege) dan kerajaan tidak beri dengan begitu senang kepada orang asing. Pada masa kini, setahu saya, terutamanya dalam 10 tahun



kebelakangan ini kerajaan tidak beri taraf penduduk tetap kepada pekerja asing. Kriteria yang kita timbang ialah mereka mesti ada sumbangan yang besar dari segi ekonomi dan sebagainya kepada negara, mereka perlu ada perhubungan/pertalian keluarga, mempunyai rekod yang bersih dan sebagainya.

Dari segi mereka yang memegang kad pengenalan palsu, yang palsu itu tetap palsu, macam manapun tidak boleh dijadikan sah, sebaliknya kita akan bertindak terhadap mereka kerana menggunakan dokumen palsu dan boleh dipenjarakan.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya daripada jumlah yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi iaitu 240,185 kad pengenalan berwarna merah barangkali yang terbesar daripada negeri Sabah. Saya ingin bertanya, apakah tindakan untuk membolehkan supaya mereka yang sememangnya bumiputera masih memegang kad pengenalan merah terutama di Pensiangan, di Tenom, di Kemabong, Long Pasia dan beberapa tempat pedalaman di Sabah. Apakah tindakan kerajaan ambil untuk mempercepatkan proses pembetulan status kad ini? Sebetulnya, mereka memiliki kad yang sepatutnya dimiliki oleh rakyat Malaysia.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memproseskan permohonan kewarganegaraan mengikut peruntukan Perlembagaan, iaitu mengikut Artikel 14, 15, 16 dan 19. Kalau sekiranya seseorang itu mempunyai status yang sepatutnya diberi sejak kelahiran dan oleh kerana kesilapan dokumen, dapat mereka buktikan pembetulan dan kemudian dapat mengesahkan tarafnya, maka mereka boleh diberi kewarganegaraannya. Bagi

yang lain-lain itu, sama ada dia merupakan isteri asing yang kahwin di sini ataupun yang lahir sebelum Hari Merdeka atau Hari Malaysia atau yang datang kemudian, semuanya di bawah Artikel 15, 16, 19, mereka perlu memohon ikut artikel-artikel itu dengan mengisi borang dengan memenuhi syarat-syarat yang tertentu dan selalunya permohonan itu ambil masa sedikit kerana kita kena tapis betul-betul latar belakangnya dan tidak ada seorang pun boleh dikecualikan daripada tidak payah pohon, boleh dapat. Kena pohon, baru boleh timbang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Daud.

**Dato' Chet Singh:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke-11.

#### **MURID SEKOLAH MENGHISAP ROKOK - PERANGKAAAN**

**11. Dato' Chet Singh [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat ini apakah perangkaan yang ada untuk makluman orang ramai mengenai murid-murid sekolah di bawah umur 18 tahun yang menghisap rokok yang kementerian telah dapat mengumpunya melalui kajiannya dan apakah tindakannya.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui kajian yang telah dibuat terdapat 9,348 orang murid di bawah umur 18 tahun yang telah melakukan kesalahan menghisap rokok. Tindakan-tindakan yang diambil ialah dengan memberi nasihat, amaran, hukuman rotan, gantung sekolah, tukar sekolah dan buang sekolah.

**Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar sekolah swasta yang menghisap rokok selalu disalah anggap sebagai pelajar-pelajar sekolah kerajaan, sekolah biasa. Jadi saya hendak tahu, adakah

peraturan untuk melarang pelajar-pelajar sekolah swasta ini menghisap rokok?  
Kalau ada, berapa ramai yang telah diambil tindakan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, angka yang saya baca ini melibatkan sekolah-sekolah kerajaan sahaja.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, setakat ini sejauh manakah kerajaan terutama Kementerian Pendidikan dapat memastikan penguatkuasaan larangan menghisap rokok di kawasan sekolah terutama sekali kepada pelajar-pelajar ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, sebab saya dapati masih ramai pekerja dengan guru-guru sekolah tidak mematuhi peraturan menghisap rokok ini?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah pun mengeluarkan surat pekeliling kepada semua sekolah untuk menandakan atau menggariskan bahawa kawasan sekolah adalah merupakan kawasan larangan untuk menghisap rokok dan curut. *[Ketawa]* Itu yang pertama.

Yang kedua, dalam pekeliling itu kita menekankan tentang peranan yang mesti dimainkan oleh semua pengetua dan guru-guru besar. Dan kita beri kuasa kepada guru besar dan juga pengetua untuk mengambil tindakan-tindakan yang munasabah dengan keadaan dan sesuatu kejadian.

Yang ketiganya, kita juga cuba mengadakan lebih banyak lagi usaha-usaha untuk memberi khidmat nasihat kepada murid-murid melalui guru-guru kaunseling kita tentang perlunya dihindarkan pelbagai kegiatan yang boleh memudaratkan masa depan pelajar-pelajar.

## **PEMILIKAN LOT RUMAH DAN KEDAI - MEMPERKENALKAN SISTEM KUOTA**

**12. Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan sedar pembangunan pesat dilaksanakan dalam sektor perumahan dan perindustrian dieksploitasikan oleh pihak golongan mewah sahaja dengan menggunakan wang mereka untuk membeli lot-lot rumah dan kedai daripada pemaju swasta, kemudian dijual balik dengan harga yang tinggi untuk mendapatkan keuntungan cepat. Cara ini telah menghalang orang biasa yang mampu membelinya dan apakah langkah kerajaan untuk memperkenalkan sistem kuota kepada semua lapisan masyarakat Malaysia.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, urusan membeli dan menjual hartanah untuk mendapat keuntungan adalah lanjutan dari sistem ekonomi negara kita yang mengamalkan konsep pasaran bebas. Bagaimanapun, kerajaan berusaha mengawal sistem ini agar tidak dieksploitasikan dan menjejaskan kepentingan golongan lain.

Sebagai satu usaha mengurangkan spekulasi berlebihan hartanah, kerajaan telah menaikkan cukai keuntungan hartanah daripada 20% kepada 30% untuk penjualan dalam tempoh dua tahun. Kerajaan juga sedang menggubalkan sistem indeks harga rumah bagi mengesan pergerakan harga rumah dalam negara. Sistem indeks ini akan menjadi satu indikator atau petunjuk bagi pembeli-pembeli untuk membuat penilaian harga dan ianya juga akan digunakan oleh kerajaan dalam menggubal dasar mengenai harga rumah dan hartanah dari masa ke semasa.

Bagi rumah kos rendah, misalnya, kerajaan telah memperkenalkan sistem pendaftaran terbuka berkomputer yang berasaskan kriteria-kriteria khusus mereka yang layak membeli.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya agak terkeluar sedikit tetapi masih dalam kerajaan kerana akhirnya disebut juga kos rendah. Saya hendak balikkan sedikit tadi yang kata kepada orang yang miskin ini. Kita akan buat rumah-rumah untuk diberi sewa yang rendah, tetapi pokok persoalannya ialah orang miskin ini tetap tidak mempunyai rumah. Apakah boleh kerajaan merangka bahawa sewaan yang dibayar ini dijadikan sebahagian daripada pembelian, yakni dalam bentuk sewa beli dan sebagainya.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi memang dalam rangka yang sedang diusahakan oleh kerajaan, iaitu bagi mereka yang tidak mampu membeli, mereka menyewa dan memang kerajaan sudah pun membuat rumah-rumah khasnya di Bandaraya Kuala Lumpur untuk sewaan selagi mereka itu tidak berkemampuan. Tetapi bagi mengubah sistem sewaan kepada sistem beli, ini boleh dipertimbangkan dari masa ke semasa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan sebelum saya kemukakan soalan saya, sebab baru seorang sahaja buat soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebab masa sudah kurang, sila tujukan soalan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No. 13. *[Ketawa]*

**DASAR PENDIDIKAN NEGARA (BERTARAF DUNIA) -  
APAKAH JAMINAN PEMBENTUKAN NEGARA  
BERIDENTITI MALAYSIA**

13. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada dasar pendidikan negara yang menjurus kepada pendidikan bertaraf dunia dengan kewujudan banyak institusi awam dan swasta dari dalam dan luar negara oleh pelbagai pihak dapat menjamin pembentukan sebuah negara yang beridentiti Malaysia.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pendidikan Negara yang menjurus kepada pendidikan bertaraf dunia ialah dengan harapan akan dapat menarik lebih ramai pelajar dari luar untuk melanjutkan pengajian di negara ini. Bagi membentuk sebuah negara yang beridentiti Malaysia di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA), kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia serta kenegaraan diperkenalkan. Kursus-kursus ini merupakan kursus wajib kepada semua pelajar tanpa mengira batasan agama dan diwajibkan lulus. Kursus ini sebenarnya diperkenalkan kepada semua pelajar ialah supaya mereka dapat memahami dan menanamkan semangat cintakan negara.

Selain daripada itu, penubuhan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) juga berfungsi mengenai kawalan standard dan kursus pengajian serta sijil-sijil yang dikeluarkan oleh institusi pendidikan tinggi swasta supaya selaras dengan pendidikan kebangsaan. Peruntukan dalam Akta IPTS 1996 juga menetapkan bahawa semua IPTS mengendalikan kursus-kursus pengajiannya dalam Bahasa Kebangsaan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, pihak kerajaan telah berkali-kali menekankan bahawa kerajaan akan melaksanakan kurikulum pendidikan Islam. Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan bahawa pelajar-pelajar aliran pendidikan Islam ini terjamin untuk meneruskan pendidikan sehingga ke peringkat yang paling tinggi. Sedangkan kecenderungan pihak-pihak institusi pengajian tinggi swasta sekarang ini memberi penekanan kepada pelajaran-pelajaran yang berasaskan sains dan teknologi. Malah ada institusi yang mensyaratkan supaya mendapat principle dalam 5 mata pelajaran tidak termasuk pelajaran Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam. Apa pendirian kerajaan dalam masalah ini?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua maklum bahawa selama ini kolej-kolej swasta terutama sekali berjalan begitu bebas. Tetapi dengan adanya Akta IPTS yang telah kita luluskan tahun sudah, soal penekanan kepada penyaluran ataupun penyampaian ajaran agama khususnya di kalangan pelajar-pelajar yang beragama Islam diberikan penekanan melalui satu fasal, di mana kita mengatakan bahawa kalau sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 5 orang pelajar yang menganuti agama Islam, maka mata pelajaran agama ataupun pengajaran keagamaan itu mestilah diberikan kepada pelajar-pelajar tersebut. Itu satu.

Yang keduanya, melalui Akta IPTS 1996 juga kita telah mula memantau akan perjalanan kolej-kolej swasta dengan harapan mereka itu akan mengikutinya ataupun melaksanakan kehendak-kehendak yang terdapat bukan sahaja dalam

Akta IPTS, tetapi juga dalam Akta Pendidikan kita yang baru, iaitu Akta Pendidikan 1996 yang merangkumi keperluan-keperluan yang mesti dipatuhi terutama sekali dalam soal menyalur dan menyampaikan mata pelajaran dan pengajian Islam terutama sekali di kalangan pelajar-pelajar yang beragama Islam. Kita berharap secara beransur-ansur. Oleh kerana semua kolej swasta sekarang ini sudah menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan, maka kita akan ambil langkah-langkah memantau sepanjang masa akan perjalanan kolej-kolej tersebut supaya mereka, kolej-kolej swasta ini dapat memenuhi setiap kehendak yang terkanun dalam kedua-dua akta tersebut.

#### **PASARAN KEWANGAN - MENGHADAPI PERSAINGAN ANTARABANGSA**

14. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah Malaysia bercadang untuk membuka pasaran kewangan seperti perbankan dan sebagainya dan apakah akibat globalisasi ini kepada pasaran dan syarikat-syarikat tempatan.

#### **Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini globalisasi dan integrasi pasaran modal dan kewangan telah mempertingkatkan persaingan di peringkat antarabangsa. Sektor perkhidmatan kewangan di Malaysia tidak terkecuali daripada menghadapi keadaan ini. Dengan yang demikian, kerajaan sedang mengambil beberapa langkah bagi menyediakan sektor perkhidmatan kewangan kita untuk menghadapi persaingan antarabangsa yang lebih hebat di masa hadapan.



Untuk mencapai tujuan ini, pihak kerajaan telah memulakan program deregularisasi dalam bidang perbankan, insurans dan pasaran modal bagi mewujudkan institusi-institusi kewangan tempatan yang diuruskan dengan cekap dan lebih sempurna serta mempunyai modal yang lebih besar. Seterusnya kerajaan menggalakkan percantuman di kalangan bank-bank, syarikat-syarikat insurans dan broker saham untuk memastikan mereka mempunyai keupayaan dan kapasiti yang cukup bagi menghadapi cabaran global berikutan daripada liberalisasi sektor kewangan.

Walau bagaimanapun, adalah ditegaskan bahawa pembukaan pasaran sektor kewangan di negara ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan berhati-hati supaya ia tidak menggugat kestabilan sistem kewangan serta menjamin agar konsep persaingan akan menghasilkan industri perbankan yang lebih efisien, inovatif dan dinamik serta tidak meminggirkan institusi-institusi kewangan tempatan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 56 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1997) 1997**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[6 Ogos 1997]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno, sila sambung ucapan.

**3.38 ptg.**

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya melanjutkan ucapan, saya ingin memperbetulkan sedikit mengenai nama gua batu yang telah kami lawati bersama dengan Perdana Menteri, iaitu namanya Jayta Cave, dengan izin, ataupun Gua Batu Jayta di daerah Gorotto, Beirut, Lubnan. Ini sekadar untuk pembetulan.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat bahawa pemimpin kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah menunjukkan kepada rombongan daripada Malaysia dan juga pemimpin-pemimpin di Lubnan. Untuk makluman jumlah penduduk Lubnan hanya 3 juta dan yang berada di luar negara 14 juta. Kami hairan kenapa begini. Antara lain penjelasan yang kami terima kerana akibat perang saudara antara orang Islam dan orang Kristian di Lubnan yang mengakibatkan yang tinggal di Lubnan hanya 3 juta dan yang berada di luar negara 14 juta. Inilah akibatnya sebuah negara yang berperang sesama sendiri.

Alhamdulillah, di negara kita apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menyambung kepimpinan negara kita, ternyata bahawa beliau dengan Wawasan 2020 yang telah digarisbawahi telah benar-

benar mengotakan apa yang dikatakan. Saya tidak bermaksud untuk mempanjangkan ini, tetapi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih di Dewan yang mulia ini atas keprihatinan pemimpin kita di mana 3 daripada Ahli Dewan Negara dan 3 daripada Ahli Dewan Rakyat telah bersama dengan beliau, semoga pada masa-masa akan datang akan ramai lagi pemimpin-pemimpin daripada ahli Parlimen Malaysia akan menyertai beliau, setidaknya ianya akan dapat dipanjangkan kepada masyarakat di mana mereka berada.

Saya difahamkan juga menurut rakan saya daripada Sarawak kalau dibandingkan Jayta Cave ini dengan Mulu Cave di Miri, barangkali Mulu Cave mempunyai banyak kelebihan, tetapi saya berkeyakinan bahawa apa yang telah dilihat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nantinya ini akan diimplimentasikan oleh beliau dalam lain bentuk yang lebih menarik.

Saya ingin menyentuh di dalam Maksud 14, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya ingin direct to the point, dengan izin. Saya difahamkan bahawa contract landscaping yang agak mudah dilaksanakan, saya mohonlah dan saya merayu agar contract landscaping yang agak mudah untuk dilaksanakan supaya syarikat-syarikat bumiputera khasnya dan mana-mana yang boleh diagihkan kepada kontraktor lain dapat diberikan kepada mereka secara adil dan saksama. Selama ini bukan tidak adil dan saksama, tetapi terdapat di beberapa kawasan boleh dikatakan kadang-kadang, saya mohon maaf, barangkali terpaksa kita nyatakan ini, orang-orang itu juga yang mendapat atau yang melaksanakan projek itu. Apa lagi barangkali, Tuan Yang

di-Pertua masih tahu juga bahawa di negeri Sabah juga kita masih bersama-sama dengan pembangkang, dan pada masa pembangkang memerintah di negeri Sabah, kempunan orang-orang Barisan Nasional mendapat projek. Saya lihat hari ini masih ramai kalangan para pembangkang yang terus menikmati projek ini. Ini bukan soal tidak mahu memberi, tetapi saya rasa kita mahu supaya beri keutamaan kepada mereka yang patut diberikan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan B.22, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Saya memang bersetuju, walaupun ramai yang tidak bersetuju mengenai dengan lumba kereta Formula One ini. Tetapi barangkali dari segi mempromosi negara kita. Pada bulan Ogos tahun lalu saya berkesempatan bersama satu rombongan ke Beijing. Oleh kerana di Beijing ini semua bahasa yang digunakan saya tidak faham, barangkali Mandarin kebanyakannya. Dalam TV ada lain-lain bahasa. Yang saya faham di situ Grand Prix Malaysia, dia sebut dua-tiga-empat kali. Jadi, saya tengok dari segi itu barangkali waktu itu lumba motorsikal yang diadakan di Malaysia. Walaupun saya tidak faham, tetapi boleh dikatakan hampir setiap jam ianya diselang-selikan dengan rancangan yang sedia ada, ini di Beijing.

Jadi, kalaulah Formula One ini dapat dibuat promosi yang lebih bagus terutama apabila pada tahun depan kita akan menghadapi Sukan Komanwel, saya berharap sangat supaya promosi ini dapat diperhebatkan lagi. Pada bulan Jun yang lalu saya berkesempatan mengikuti rombongan perdagangan negeri Sabah melawat Darwin, Australia. Di situ juga nampak ada promosi, tetapi berani saya katakan bahawa promosi itu tidak sehebat seperti yang saya lihat di

Beijing, di mana di Australia di setiap hotel, terutama di Darwin dia sebut ‘Commanwelth Games’ yang akan diadakan di negara kita, bila kita nampak kita bangga juga. Cuma bila tengok dari surat khabar, dari siaran televisyen di situ tidak ada langsung diberitahu iklan Sukan Komanwel ini di tempat kita.

Jadi, saya rasa kita perlu buat sesuatu belum terlambat lagi ada 300 lebih hari lagi untuk menghadapi Sukan Komanwel ini, kita berharap supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dapat membuat sesuatu. Tahun lepas saya juga berkesempatan menyertai rombongan Yang Berhormat Dato’ Seri Rafidah Aziz ke Munich, Germany dan Switzerland yang saya lihat masa kita membuat promotion tentang negara kita barangkali mungkin tidak begitu sesuai tetapi saya rasa orang-orang di situ saya lihat mereka ingin melihat juga keindahan semula jadi tempat-tempat kita meskipun barangkali misi itu bukanlah misi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, tetapi kalau bolehlah kita selitkan umpamanya Tarian Ngajat, saya tidak nampak di situ semasa buat promotion itu, begitu juga dengan Tarian Sumazau, kemudian keindahan Gunung Mulu, Gunung Ledang seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan dan begitu juga Gunung Kinabalu, tidak ada saya nampak dalam promosi sepanjang yang saya ikuti.

Jadi, walaupun barangkali orang bilang ‘sambil menyelam sambil minum air’, kalau boleh ikut sertakanlah semua ini supaya barangkali satu hal orang di situ tidak tertarik tetapi beberapa hal termasuk pelancongan itu akan menjadi daya tarikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan bandar-bandar lama kita ini yang mempunyai heritage ataupun bandar raya warisan. Di Beirut saya lihat ada dua keunikan di situ, keunikan dari segi barangkali boleh menyedarkan masyarakat Beirut di situ. Satu di sebelah kiri itu terdapat sebuah gereja. Gereja itu dengan salibnya condong ke Barat, barangkali akibat tembakan, bekas-bekas tembakan mortar dan sebagainya, gereja salib itu condong ke Barat. Kemudian di sebelah kanannya terdapat sebuah masjid yang terlama menurut orang-orang Beirut yang memandu kita semasa berada di situ, sebuah masjid, doornya pula bocor dan condong ke Timur.

Jadi, kita mendapat tahu bahawa ini adalah antara lain akibat perselisihan peperangan antara dua suku yang satu bangsa lain agama, hanya kerana agama, lepas itu negara itu rupanya telah dijajah oleh Israel, daripada lapangan terbang sehingga ke Hotel Bristle di mana kami menginap terdapat bangunan-bangunan yang telah dipenuhi dengan lubang bermacam-macam lubang, lubang besar, lubang kecil dan sebagainya.

Jadi, rupanya lubang-lubang ini adalah bekas tembakan semasa perang. Jadi, ada sederet bangunan yang dibiarkan. Jadi, mungkin kita boleh abadikan, sebab kalau tidak silap di Chow Kit Road ini pun ada bangunan-bangunan yang sudah terlalu tua tetapi malangnya pagi tadi saya berjalan kaki bukanlah ikut cara Nawaz Shariff, Perdana Menteri Pakisan tetapi seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya lihat memang ada kesannya.

Tetapi masih banyak sampah sarap di kiri kanan, di tempat-tempat yang agak tersorok. Jadi, kita minta kepada kementerian berkenaan agar bandar raya warisan ini dapat diperbaiki dan barangkali bandar ini terus dibersihkan, saya yakin ini boleh. Kalau negara jiran kita boleh buat, kenapa kita tidak boleh buat?

Saya bersetuju, tidak akan Perdana Menteri tegur baru kita ambil tindakan. Kita bukan ‘tukul dengan pemahat’. Bila ditukul barulah, kalau tidak - tidaklah. Jadi, saya berharap kita semua termasuk diri saya sendiri, agar mengambil inisiatif supaya perkara-perkara untuk memakmurkan negara kita, untuk membersihkan negara kita dan untuk menjaga warisan sejarah negara kita dapat sama-sama kita bela, kita bangun dan kita beri pendidikan kepada generasi kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan penanaman pokok yang saya difahamkan pada tahun 2000. Tahun 2000 sebanyak tiga juta pokok akan ditanam, saya ingat ini di seluruh negara, jadi, kalau boleh juga pokok-pokok ini kita mintalah supaya kalau pun ditanam pokok ada yang disebut kelmarin di Pulau Pinang tidak ada simbolnya, kalau Pulau Pinang, Pulau Pinanglah dan sebagainya, macam di Ipoh rakan saya sebut daripada Ipoh, dia kata: “Ada pokok Ipoh.” Saya bersetuju, saya rasa ini amat sesuai dan saya bersetuju, cuma barangkali bila soal menanam pokok ini kalau boleh biarlah pokok yang mempunyai ketahanan yang tidak mudah tumbang atau patah dahannya apabila dilanda oleh angin ribut atau angin. Sebab pernah berlaku di bandar raya Kota Kinabalu ada satu pokok yang agak

tua, kemudian secara kebetulan pada hari Ahad kita ada 'Gaya Street' ataupun kita panggil 'Tamu' di sana waktu itu. Tiba-tiba angin datang dan pokok itu memang pokok ini mudah tumbang, tiba-tiba pokok ini tumbang dan jatuh kemudian terkenal empat anak-anak kecil dan seorang daripada anak itu telah meninggal.

Jadi, kita tidak mahu nanti dengan pokok yang begini banyak tiga juta jumlahnya akhirnya akan membawa musibah kepada anak-anak kita pada masa akan datang.

Jadi, biarlah kalau boleh barangkali saya difahamkan bahawa pokok-pokok sentang, pokok jati dan sebagainya ditanam, saya harap pokok ini telah dikaji dan diselidiki agar tidak mudah tumbang, tidak mudah patah, tidak rapuh apabila ditiup oleh angin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan Sukan Komanwel yang akan diadakan tidak lama lagi. Ini saya kurang arif tetapi kalau bolehlah barangkali kerajaan telah mempunyai perancangan apabila lepas Komanwel, blok-blok asrama ataupun rumah-rumah yang telah disediakan ini memang telah mempunyai perancangan.

Seandainya barangkali kalau perancangan ini boleh diterima, tadi pun kita telah heboh memperkatakan soal orang-orang bandar, orang-orang pinggiran tidak ada rumah dan sebagainya, apa salah kalau boleh barangkali bolehlah kita convert rumah ini sama ada kita jadikan rumah PPRT atau barangkali kita jual dengan kos rendah kepada masyarakat atau penduduk-penduduk yang betul-betul memerlukan.



Saya teringat semasa saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Dato' Fuad Hassan, Exco Kerajaan Negeri Selangor di Seoul, kemudian ada sebuah hotel namanya Olympia Hotel, kalau tidak silap saya. Jadi, boleh dikatakan hotel itu selepas Sukan Olimpik diadakan dan mereka tinggalkan hotel itu dan dikhususkan kepada para belia, waktu itu saya salah seorang daripada ahli Exco Majlis Belia Malaysia.

Jadi, harga yang diberikan juga cukup berpatutan, jadi boleh dikatakan setiap hari, setiap waktu ada sahaja pengunjung-pengunjung hampir daripada merata dunia yang datang ke situ sebab bayarannya itu lebih murah daripada hotel-hotel yang terdapat di seluruh Seoul, Korea.

Jadi, mudah-mudahan ini juga barangkali akan diambil perhatian dan diambil kira, selepas Sukan Komanwel ini akan lahir lah kita punya hotel-hotel Komanwel yang boleh menarik pelancong-pelancong khususnya para pelajar barangkali pada muda mudi daripada luar negara, sebab saya yakin andainya harga yang sememangnya lebih murah daripada hotel-hotel di seluruh dunia ini di Malaysia ini mahu pun terkenal agar ianya akan menjadi satu tarikan dan memudahkan kepada mereka untuk terus mengenali Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa ramai lagi rakan-rakan yang akan mengambil bahagian dalam perbahasan ini, izinkan saya untuk menyentuh mengenai dengan hari kelmarin di mana Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba telah menyatakan bahawa pada bulan Jun, imbalan perdagangan negara mencatat defisit. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi butiran mengenai perkara ini.

Saya khawatir sekiranya defisit kita terlalu tinggi ini akan menjejaskan ekonomi negara kita yang tercinta. Kerajaan sekarang sedang berusaha untuk memperbanyakkan kempen menabung agar pembangunan negara kita boleh menggunakan dana dalaman daripada meminjam dari luar negara.

Saya ingin tahu berapakah pinjaman yang telah dibuat dari luar negara dan apakah jenis-jenis matawang pinjaman kerajaan. Adakah kerajaan berhasrat untuk membayar balik lebih awal atau prepare daripada jadual yang ditetapkan atau membiayai semula pinjaman atau refinance, dengan izin, supaya bayaran faedah dapat kita kurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai kedudukan peratusan baki hutang luar negara keseluruhan bagi negara Malaysia mengikut komposisi matawang asing ini.

Saya terbaca di akhbar baru-baru ini Managing Director IMF, Mr. Camydisus yang menyatakan bahawa Malaysia dapat mengurangkan inflasi defisit akaun semasa yang dapat diurus dengan baik dan oleh itu perkembangan dan pembangunan ekonomi dapat berjalan laju seperti yang dikehendaki.

Ini satu petanda yang bagus bagi Malaysia, maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad.

**3.55 ptg.**

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya ingin menyebut perkara B.14 dengan peruntukan tambahan sebanyak RM3,525,000. Saya menyokong peruntukan tambahan tersebut. Akan tetapi dalam kita membicarakan soal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung dengan isu perumahan kos rendah. Isu perumahan kos rendah tidak pernah sunyi daripada kegawatan seperti pembinaannya yang menggunakan bahan yang bermutu rendah, ruang yang sempit dan kurang selesa dan sebagainya.

Kes rumah kos rendah juga tentunya selalu dikaitkan sebagai punca utama gejala sosial yang melanda negara kerana keadaan rumah yang sempit tanpa ruang yang mencukupi. Terdapat fenomena rumah kos rendah yang sewajarnya dimiliki oleh golongan yang berpendapatan rendah jatuh ke tangan golongan kaya. Rumah tersebut diubahsuai menjadi kediaman bertaraf rumah mewah.

Fenomena rumah ala banglo di tengah-tengah deretan rumah kos rendah sebenarnya telah lama berlaku. Kejadian seumpama ini serius dan harus dipandang sebagai pencerobohan hak. Mereka yang kaya bukan sahaja mencuri dan menindas tetapi turut menggagalkan hasrat dan aspirasi kerajaan untuk menyamaratakan peluang di kalangan semua golongan rakyat tanpa mengira kaum dan latar belakang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini isu rumah kos rendah bergolak lagi. Para pemaju merasakan harga RM25,000 sebuah tidak berpatutan berbanding harga bahan dan lokasinya, sedangkan mereka tidak pula bicarakan soal

keuntungan berkali-kali lipat ganda dengan rumah yang dijual dengan harga yang begitu mahal.

Saya berharap agar kerajaan tidak akan tunduk kepada mereka kerana sebagai seorang developer, dengan izin, saya tahu benar bahawa ‘kerugian’ yang dikatakan dengan mudah dapat ditampung atau disubsidikan oleh keuntungan dari harga rumah yang mahal. Ataupun apa yang kita sebut sebagai cross subsidy, dengan izin, justeru apabila pemaju bersungut tentang harga kos rendah, maka kerajaan harus memaksa mereka agar memajukan tanah di dalam bentuk mix development, dengan izin. Cadangan ini tentunya dapat diselesaikan dan kerajaan tidak perlu membuang masa melayan kerenah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun kemelut yang melanda rumah kos rendah ternyata pembeli dan golongan berpendapatan rendahlah yang menjadi mangsa. Mereka adalah penghuni yang berhadapan dengan ragam rumah kos rendah dari kerenah bahan binaan yang murah dan pembinaannya yang sekadar ‘melepaskan batuk ditangga’ dengan kualiti dan mutu pembinaan yang rendah, hinggalah kepada mereka perlu membayar harga yang mahal kepada pihak bank dan mereka jugalah yang terpaksa tinggal di rumah yang sempit dan kurang selesa hasil daripada perspektif arkitek terhadap gaya hidup orang miskin. Rentetan daripada itu, anak-anak mereka jugalah dilanda kebosanan dan memenuhi masa mereka dengan melepak serta menghidap penyakit sosial.

Kerajaan sejak dahulu lagi tidak pernah putus harap membantu golongan berpendapatan rendah. Namun penyelewengan rumah kos rendah ini

telah mencabar hasrat murni kerajaan yang memperjuangkannya sejak sebelum merdeka lagi. Kini bantuan dan program dilaksanakan untuk menolong golongan berpendapatan rendah di bandar-bandar besar yang tidak dapat menyertai kepesatan pembangunan negara. Kos sara hidup yang tinggi serta kenaikan harga barangan pengguna, mengakibatkan mereka tidak mampu untuk memiliki sebuah rumah kos rendah. Kita harus sedar akan peranan golongan ini terhadap kemajuan ekonomi negara. Mereka merupakan penyumbang utama kepada kemajuan negara tanpa tenaga mereka di peringkat bawah adalah mustahil sesuatu projek terlaksana.

Program perumahan kos rendah khususnya untuk golongan miskin di bandar dilaksanakan sejak tahun 1994 lagi. Usaha tersebut membabitkan penubuhan Tabung Perumahan Kos Rendah dengan dana RM1.1 bilion.

Selain itu pada bulan Ogos 1994, kerajaan menubuhkan tabung pusingan berjumlah RM500 juta bertujuan meningkatkan stok rumah yang mampu dibeli dalam tempoh lima tahun. Usaha ini juga bertujuan menggalakkan pemilikan rumah bagi golongan berpendapatan rendah di kawasan bandar terutama di Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Semua projek perumahan ini melibatkan pembinaan rumah yang berharga RM25,000 yang ditakrifkan sebagai rumah kos rendah dan mampu dibeli oleh golongan sasaran tetapi segala usaha ini pincang kesan daripada sikap segelintir rakyat yang tamak haloba dan mementingkan keuntungan diri sendiri sama ada pemaju, institusi kewangan, golongan kaya yang membeli rumah orang-orang miskin

dan para pegawai yang rasuah perlu diajar supaya memiliki sifat bertanggungjawab dan memahami erti terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus secara serius bagi memastikan segala karenah ini diselesaikan supaya nasib golongan miskin akan benar-benar terbela. Satu lagi karenah isu rumah kos rendah yang perlu ditangani oleh pihak kerajaan ialah mengenai Dasar Kerajaan Pusat yang tidak diikuti sepenuhnya oleh kerajaan-kerajaan negeri yang amat ketara dalam isu pembinaan rumah kos rendah sedangkan rumah kos rendah tergolong dalam agenda sosial dan penyediaan tenaga sumber manusia. Sudah bertahun-tahun isu ini menjadi agenda nasional yang diberi keutamaan dalam Belanjawan negara tetapi sehingga kini ianya masih belum selesai. Walaupun Bank Negara menyediakan RM1.1 bilion untuk membina rumah kos rendah tanpa sokongan kerajaan negeri projek ini tidak boleh berjalan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi pertanyaan mengapakah kepimpinan kerajaan negeri seolah-olah tidak mengutamakan dasar menyediakan rumah kos rendah yang mencukupi untuk rakyat yang berpendapatan rendah sedangkan golongan ini rata-rata adalah penyokong setia parti kerajaan dan merekalah yang sering ke hadapan dalam setiap kali pilihan raya. Pada hemat saya Kerajaan Pusat harus mengemaskinikan Dasar Rumah Kos Rendah bagi memastikan kerajaan negeri tidak bersekongkol dengan pemaju yang melewati matlamat pembinaan rumah kos rendah. Pemaju yang mengaut keuntungan yang berlipat ganda dalam pembinaan perumahan mewah dan

komersial mesti dipaksa memikul tanggungjawab sosial menyediakan rumah kos rendah.

Barangkali juga Menteri Kewangan boleh menggunakan struktur cukai untuk memeriksa pemaju yang sudah pun menikmati keuntungan lumayan melalui pembangunan hartanah komersial dan kediaman mewah, melabur sebahagian daripada keuntungan mereka di dalam membina rumah kos rendah. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus menangani masalah ini. Sikap pemaju yang tamak haloba, sikap kerajaan tempatan yang kurang memberi kerjasama, sikap sebahagian orang kaya yang merampas hak orang miskin dengan membeli rumah kos rendah dengan cara tertentu dan sikap para pegawai kerajaan yang terlibat secara langsung dalam urusan pembangunan rumah kos rendah. Jika usaha ini dilakukan secara serius, saya berpendapat masalah perumahan kos rendah akan dapat diatasi, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan rang undang-undang ini saya juga ingin menyentuh perkara B.32 - Jabatan Hasil Dalam Negeri. Peruntukan RM30 juta bagi maksud tersebut adalah disokong. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian bahawa baru-baru ini Lembaga Hasil Dalam Negeri telah memberi jaminan akan berusaha mengembalikan secara automatik cukai yang terlebih bayar. Menurut Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri - Dato' Muhamad Ali Hassan, langkah tersebut hanya akan dapat dilakukan setelah keupayaan sistem komputer di Lembaga itu dipertingkatkan dan ini mungkin menjadi kenyataan selewat-lewatnya dalam tahun 1998.

Sebenarnya masalah pembayaran balik cukai pendapatan yang terlebih bayar sudah banyak kali dibangkitkan oleh media massa dan juga Ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat. Sejak kerajaan menguatkuasakan Sistem Potongan Cukai Berjadual (PCB) pada tahun 1995 pelbagai masalah telah ditimbulkan oleh orang ramai termasuk peratusan potongan bulanan yang terlalu tinggi dan cukai yang terlebih bayar dan dikatakan bahawa bilangan mereka yang terlebih bayar meningkat 100,000 orang. Ini juga melibatkan wang berjumlah RM73 juta.

Baru-baru ini Timbalan Menteri Kewangan Yang Berhormat Dato' Dr. Affifudin Omar telah memberitahu Dewan Rakyat bahawa sehingga 31 Disember lalu, cukai terlebih bayar dalam PCB yang belum dipulangkan adalah berjumlah RM13.71 juta. Pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri mengakui menghadapi masalah untuk memulangkan segera cukai yang terlebih bayar kerana ia melibatkan jumlah pembayar yang banyak. Di bawah PCB adalah didapati kira-kira 500,000 hingga 600,000 borang diterima setiap bulan dan Lembaga perlu memasukkan data-data itu segera ke dalam komputer. Tanpa data-data ini adalah sukar bagi Lembaga mengesan mereka yang terlebih bayar cukai dan masalah ini diburukkan lagi dengan keupayaan komputer yang masih terbatas.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan bagaimana masalah ini boleh berlaku kerana sebelum sistem PCB dikuatkuasakan pelbagai kajian telah dilakukan bagi menjadikan ia sebagai satu sistem pungutan cukai yang terbaik. Seharusnya sistem PCB juga telah mengambil kira bilangan pembayar cukai



yang bertambah dan potongan cukai yang berlebihan. Tidak mungkin pihak Lembaga sebelum ini tidak membuat anggaran jumlah pembayaran cukai yang perlu dihadapi serta modus operandi bagi menghadapi cukai yang terlebih bayar. Kalau sebelum ini kita pernah mendengar pelbagai operasi telah dilakukan oleh Lembaga ke atas premis-premis atau individu yang telah tidak membayar cukai tetapi kenapa soal memulangkan balik cukai yang terlebih bayar agak lambat diambil tindakan. Antara yang ditahan dan disoal siasat termasuklah artis-artis dan orang kenamaan yang dikatakan tidak membayar cukai dan operasi ini mendapat publisiti yang meluas. Ada juga mereka yang didakwa di mahkamah kerana melarikan diri daripada membayar cukai dan operasi sedemikian memang mendapat sokongan penuh rakyat kerana adalah tidak adil mereka yang bergaji tetap terpaksa membayar cukai pendapatan manakala mereka yang berniaga melarikan diri daripada membayar cukai. Pendekatan Lembaga yang sanggup mencari mereka yang melarikan diri daripada membayar cukai sehingga ke ‘lubang cacing’ itu patutlah mendapat kepujian.

Akan tetapi apa yang menghairankan, malah mendukacitakan kita kenapa Lembaga Hasil Dalam Negeri agak liat untuk memulangkan cukai yang terlebih bayar. Seharusnya satu unit khas perlu diwujudkan di Lembaga itu untuk memproses dan memulangkan segera cukai yang terlebih bayar. Perkara ini perlu diambil berat kerana sudah ramai yang mengadu dikenakan potongan cukai yang agak tinggi setiap bulan dan sekurang-kurangnya pemulangan balik ini akan dapat meringankan beban serta rasa terkilan mereka. Saya berharap

dengan lulusnya rang undang-undang ini pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri akan dapat membereskan masalah pembayaran balik cukai kepada orang ramai dan kalau boleh bersama faedahnya sekali memandangkan Lembaga mengenakan penalti kepada mereka yang lambat membuat pembayaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara B.42. Peruntukan bagi maksud tersebut juga adalah disokong. Pada masa ini Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah banyak menganjurkan program bersama-sama dengan badan-badan bukan kerajaan NGO dalam menangani isu-isu masyarakat. Satu perkara yang harus diberi perhatian ialah betapa kementerian ini telah mampu menarik NGO untuk bekerjasama dalam membantu kerajaan. Hasil dari hubungan baik kementerian dan NGO ini, maka kita minta dari segi lain yang harus dilihat oleh kementerian ini ialah bagaimana kita boleh berperanan untuk mengembalikan NGO yang disifatkan sebagai ekstrim supaya kembali ke jalan yang benar. NGO boleh menegur kerajaan akan tetapi caranya biarlah berpatutan di mana perlu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani isu sejagat terdapat sesetengah badan bukan kerajaan - NGO Malaysia dikatakan melampaui batas sehingga mewajarkan mereka memiliki gelaran 'pelakon over acting', dengan izin, yang paling tidak digemari oleh penonton kerana ia mempamerkan aksi yang berlebihan. Baik dalam senario mana pun, setiap yang keterlaluan akan mencetuskan rasa jelik dan kerana itu juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad terus terang telah menyatakan rasa tidak senangnya terhadap tindakan NGO yang dianggap mengada-ngada.

Dalam satu kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyatakan yang beliau sudah meluat dengan tindakan mereka. Itulah antara lain yang pernah dikatakan oleh Perdana Menteri yang kita kasihi terhadap sikap dan karenah NGO.

Isu NGO ini timbul lagi apabila sekumpulan mereka menghantar memorandum kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk meminta agar penyenaian Bakun Hydro Electric Corporation Berhad di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dibatalkan. Memorandum setebal 40 muka surat yang bertajuk “High Risk, High Cost, Low Returns” menyenaraikan secara terperinci mengikut selera, pandangan dan tafsiran mereka terhadap risiko yang bakal timbul, kononnya akibat pembinaan projek Hydro Electric tersebut. Penentangan terhadap projek ini tidak habis-habis dibangkitkan oleh kumpulan NGO.

Pada 12 Mac tahun lalu mereka telah mengedar memorandum di Seminar Empangan Bakun yang memuatkan rasa tidak puas hati mereka terhadap proses perundingan dan penyelesaian masalah projek yang berharga RM15 bilion itu. Mereka mendakwa projek tersebut bukan sumber tenaga yang boleh diperbaharui memandangkan jangka hayat empangan tidak berpanjangan selepas isi padu air empangan berkurangan. Kecekapan juga akan berkurangan kononnya, malah apabila kerajaan mengatakan bahawa kawasan di sekeliling Bakun boleh dimajukan sebagai pusat tarikan pelancongan khususnya ecotourism, NGO pula berpendapat bahawa promosi terbaik untuk ecotourism adalah membiarkan alam sekitar secara semula jadi. Mereka turut menganggap

cara hidup masyarakat pedalaman Sarawak sekarang adalah baik dan perlu dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, sedangkan yang menjadi jurubicara kepada NGO ini adalah mereka yang tinggal di kondominium-kondominium mewah dan mengamalkan cara hidup mewah - berbicara soal orang miskin di Sarawak. Nada suara NGO Malaysia persis seperti laungan NGO di Barat. Mereka menentang pencabulan hutan, justeru projek Bakun yang membanjiri kawasan seluas 69,500 hektar iaitu sama besarnya dengan Pulau Singapura disifatkan sebagai tidak rasional dan pelaksanaannya dianggap tidak peka kepada alam sekitar, kononnya.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita semua tahu bahawa selama ini Barat memang tidak senang dengan kemajuan yang telah kita kecapai. Perasaan cemburu sentiasa membara dalam diri mereka, sebab itu apa sahaja yang kita buat bagi mereka semuanya salah. Ini termasuklah yang melibatkan tentang soal hutan dan mereka seolah-olah ingin mengajar kita untuk melindungi dan menguruskan hutan kita, pada hal kalau difikirkan secara mendalam, bagaimana mereka boleh mengajar kita dari segi pengurusan hutan sedangkan mereka sendiri sudah lama ketiadaan dan kehilangan hutan ataupun pada hemat saya adakah kerana mereka cemburu dengan projek Hidro Elektrik kita yang ternyata lebih besar dan lebih hebat daripada apa yang mereka miliki.

Sayangnya Tuan Yang di-Pertua, NGO kita tidak nampak akan hal ini sebab pada anggapan mereka semuanya yang datang dari Barat itu baik dan mungkin juga kerana NGO-NGO ini mendapat peruntukan kewangan dari

Barat dan mereka terpaksa mengikut cita rasa tauke mereka atau mungkin juga kerana mereka adalah a little brother to the big brother, dengan izin, di Barat yang memaksa mereka tunduk dengan hujah-hujah Barat. Mereka seolah-olah tidak mempunyai pendirian dan tidak sensitif terhadap aspirasi nasional. Jika mereka menganggap diri mereka sebagai watch-dog, dengan izin, mereka sepatutnya bukan sahaja menyalak kepada penganggu di luar tetapi jangan juga lupa peranan mereka harus mengawal keselamatan tuannya.

Namun Tuan Yang di-Pertua, nampaknya mereka telah lari daripada fungsi mereka yang sebenar. Mereka sengaja mencetuskan sesuatu isu untuk mendapatkan perhatian dan publisiti murah. Dengan kata lain aksi mereka ini adalah umpama 'lebih sudu daripada kuah'. Malaysia yang sedang pesat membangun memerlukan sumbangan positif daripada NGO bukannya kegawatan dan tomahan yang merugikan. Ini bukan bermakna kita tidak mahu dikritik tetapi kritikan itu biarlah berada di landasan yang betul dan diterima akal. Melaungkan slogan sayangkan hutan sehingga mengetepikan kepentingan rakyat dan negara adalah tidak kena pada tempatnya.

Apabila kerajaan ingin melaksanakan projek Bakun, NGO melenting tetapi apabila kerajaan menggiatkan program perhutanan semula yang bertujuan untuk memulihkan hutan, NGO diam seribu bahasa meski pun program ini telah dimulakan sejak tahun 1901 lagi. Saya ingin memberitahu, sesekali apalah salahnya kalau NGO kita memberitahu Barat bahawa sehingga 31 Disember tahun lalu, kita telah memulih hutan asli seluas 1.364 juta hektar, menanam bilangan pokok di hutan seluas 23,000 hektar, menanam pokok bakau

12,000 hektar, rotan 13.356 juta hektar dan menanam kawasan lapang dengan pelbagai pokok hutan. Ini menunjukkan kita sebenarnya lebih arif mengenai hutan rimba. NGO harus kembali kepada peranan asal iaitu membantu kerajaan bagi mencapai matlamat pembangunan negara dan menegur secara yang berpatutan di mana yang perlu. NGO tidak harus menjadi boneka barat kerana lambat laun yang akan menentukan hala tuju kita adalah kita sendiri dan bukannya barat. Ini memandangkan tidak semua yang ada di Barat yang terhasil di pemikiran mereka dapat diterimapakai oleh orang Timur. Tegasnya Barat tetap Barat dan Timur tetap Timur, seperti apa yang telah diungkapkan oleh Francis Fukuyama di dalam buku berjudul *Trust*.

Saya ingin menggesa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya mengenal pasti badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang bersifat ekstrem ini dan mengadakan pertemuan dengan mereka. NGO jenis ini harus disedarkan dan dijinakkan tentang peranan mereka yang sebenar supaya mereka tidak hanya menjadi alat Barat semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara B.47 Kementerian Pengangkutan. Sepertimana yang kita tahu bahawa kerajaan baru-baru ini telah menyiapkan projek pembesaran lapangan terbang di Padang Matsirat, Langkawi, Kedah di mana projek itu membabitkan kos sejumlah RM315 juta yang telah dimulakan sejak Januari 1995 dan telah siap sepenuhnya pada bulan Jun lalu. Pemanjangan landasan sepanjang 1.9 kilometer daripada landasan asal sepanjang 2.1 kilometer itu telah membolehkan pendaratan

pesawat Boeing 747 400 yang sekali gus telah membolehkan Langkawi menerima lebih ramai pelancong.

Di dalam membicara soal Kementerian Pengangkutan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyentuh soal lapangan terbang yang baru yang akan dibina di wilayah Utara. Kami rakyat Pulau Pinang akan tetap akur dengan apa juga keputusan yang akan dibuat oleh pucuk pimpinan Kerajaan Pusat. Cuma yang menjadi harapan Pulau Pinang ialah agar kepentingan semua negeri di wilayah Utara diambil kira dengan serius dan kami juga berharap semoga pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang sebanyak 12% setahun selama lebih dari 8 tahun yang lalu tidak akan terjejas dengan apa pun jua keputusan yang bakal dibuat. Sekali lagi Pulau Pinang mengulangi ikrar kami bahawa kami akan tetap patuh kepada keputusan yang akan dibuat oleh pucuk pimpinan kerajaan. Walau bagaimanapun, memandangkan projek lapangan terbang tersebut hanyalah di peringkat feasibility study, dengan izin, kami merayu kepada Kerajaan Pusat agar the expansion to the existing airport, dengan izin, akan dapat dibenarkan demi menampung keperluan Pulau Pinang dan juga negeri-negeri yang berdekatan dengannya.

Satu perkara yang ingin saya bangkitkan di sini ialah kerajaan tentunya tidak akan membiarkan ekonomi kerajaan Pulau Pinang terjejas berikutan pembinaan lapangan terbang antarabangsa yang baru itu, sebaliknya saya berharap kerajaan akan terus membantu pembangunan ekonomi Pulau Pinang yang bertunjangkan perindustrian perkilangan. Saya telah difahamkan bahawa baru-baru ini kerajaan telah mendapat butir-butir terperinci mengenai cadangan

pembinaan lapangan terbang di Kuala Muda daripada syarikat pemajunya iaitu Samudera Baru Darul Aman Sdn. Bhd. dan kerajaan juga telah diberi taklimat mengenai perkembangan pengangkutan kargo melalui udara di Pulau Pinang daripada Malaysia Airport Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah ingin mempersoalkan atau membantah satu-satu projek yang dicadangkan oleh kerajaan negeri jiran seperti Kedah, apa lagi cadangan itu diluluskan oleh Perdana Menteri sendiri. Tetapi pada hemat saya, Pulau Pinang mesti terus mempunyai lapangan terbang antarabangsa supaya ia kekal sebagai satu destinasi dalam rangkaian penerbangan antarabangsa. Bagaimanapun, apabila Kuala Muda, Kedah telah dipilih sebagai lokasi lapangan terbang baru, kita berharap bahawa Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang harus dipertahankan dan diperbesarkan kerana jumlah pengendalian kargo di lapangan terbang itu meningkat 30% sejak empat tahun lalu. Saya berharap dengan apa juga keputusan berhubung dengan pembinaan lapangan terbang yang baru itu tidak akan menjejaskan sektor pelancongan dan perindustrian negeri Pulau Pinang. Saya ingin sekali lagi menggesa supaya kerajaan harus mengambil langkah supaya disegerakan pembesaran Lapangan Terbang Bayan Lepas supaya ianya menjadi lapangan terbang kargo yang besar untuk keperluan sektor industri, bukan sahaja untuk negeri Pulau Pinang tetapi juga bagi menampung keperluan negeri-negeri yang berdekatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan juga saya fikir harus memikirkan tentang harga makanan yang mahal yang dijual di kawasan



lapangan terbang. Makanan yang mahal itu bukan sahaja di dalam kawasan lapangan terbang antarabangsa sahaja, tetapi penjualan makanan untuk penerbangan domestik juga kita rasakan terlalu mahal. Saya ingin menggesa agar Kementerian Pengangkutan membuat satu kajian mengenai harga makanan yang mahal yang terdapat di lapangan-lapangan terbang supaya harga makanan tersebut dapat diturunkan kepada harga yang lebih munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

**4.20 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk turut serta membahaskan rang undang-undang suatu Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil sedikit masa menyentuh perkara peribadi sebelum saya teruskan. Saya sebenarnya ingin di sini ambil peluang ini untuk merakamkan rasa setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak kerajaan amnya dan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita dan seterusnya juga kepada pemimpin negeri saya, Sarawak, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud yang telah mencadangkan saya enam tahun dahulu sebagai Ahli Dewan Negara dan sekarang ini maka saya telah pun bertugas dengan rakan-rakan di sini selama enam tahun, saya ingin rakamkan berbanyak terima kasih kepada mereka.

Sebelum saya berundur di sini, saya ingin memberitahu kepada mereka bahawa saya juga berterima kasih kepada semua yang telah pun menjadi cikgu-cikgu kepada saya, mulai dari Tuan Yang di-Pertua sendiri, termasuklah rakan-rakan dalam Dewan ini, termasuk juga pegawai-pegawai kerajaan yang bekerja bertungkus-lumus dengan kita dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini saya ingin menyentuh beberapa perkara. Pertama sekali B.14. Dalam aspek ini, saya ingin menyentuh dua aspek. Yang pertama sekali mengenai tujuan B.14 ini ialah untuk mencantikkan bandar yang telah diperuntukkan ini adalah begitu khusus iaitu untuk tempat-tempat tertentu di mana pelancong-pelancong dari luar negara kita akan datang, tetapi yang saya ingin bangkitkan ialah secara am di mana saya ingin mengingatkan kementerian bukan sahaja di pusat tetapi tempatan yang mempunyai tanggungjawab untuk menentukan bahawa kerajaan-kerajaan tempatan menjalankan tugas mereka untuk menentukan bahawa tempat-tempat di mana mereka mempunyai bidang kuasa seperti melihat keadaan adalah bersih, hendaklah dilakukan dengan sempurna. Sekarang ini juga kita sedia maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah membuat teguran oleh kerana ada tempat-tempat tertentu yang telah pun dilihat begitu kotor.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita pergi ke tempat-tempat atau bandar-bandar kecil, saya kurang pasti di Semenanjung ini, tetapi kalau kita pergi ke Sarawak dan Sabah, kita lihat tempat-tempat di bandar-bandar kecil banyak kotor. Kita lihat sampah sarap ada di merata-rata, walaupun ada orang yang

bertugas ditugaskan tetapi cara mereka lakukan tugas mereka itu nampaknya kurang berkesan. Saya ingin menyeru di sini supaya kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat memikirkan cara yang lebih sistematik lagi di mana mereka harus melibatkan kerajaan-kerajaan tempatan (local government) supaya cara-cara kita membersihkan bandar kita ini adalah lebih bersistematik dan lebih berkesan.

Seterusnya, dengan itu saya ingin cadangkan supaya kementerian ini juga jangan memikirkan kerja dan tugas untuk memungut uras-uras sahaja ataupun sampah yang dibuang itu sahaja, tetapi juga mendidik orang-orang kita bukan sahaja di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur tetapi di seluruh negeri kita ini, termasuklah di bandar-bandar kecil seperti yang saya maksudkan tadi.

Saya sebut perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya pernah berjumpa ramai orang dari luar negara yang sebagai pelancong, sebahagian daripada mereka adalah rakan, kawan kita dan mereka pernah mengatakan, kenapa banyak kertas ataupun rubbish, dengan izin, di sana sini, dekat tempat makan, dekat market, maka banyaklah lalat berkeliaran. Maka dengan itu mereka mempunyai pandangan atau persepsi yang kurang elok bagi negeri kita.

Saya sendiri juga telah melihat dalam bandar-bandar kecil dan pernah juga berbual-bual dengan orang-orang penguasa tempatan supaya mengambil berat tentang perkara ini. Saya tahu bahawa menteri dalam negeri saya sendiri telah selalu mengatakan mereka ingin hendak menentukan bahawa kebersihan (cleanliness) itu adalah diambil berat. Walau bagaimanapun, nampaknya belum

lagi kita mempunyai kesan yang begitu baik. Nampaknya mungkin dalam kes seperti ini mengambil masa oleh kerana kita perlu mendidik orang-orang kita, mulai dari orang-orang tua, orang-orang dewasa seperti kita yang ada dalam Dewan ini, termasuklah orang-orang muda seperti mereka yang duduk di belakang sana itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi bahagian yang saya ingin sentuh dalam mencantikkan bandar, saya ingin cadangkan supaya kerajaan fikirkan bagaimana caranya kita menggunakan banyak bahan untuk mencantikkan bandar. Satu daripadanya ialah kayu-kayan yang kita tebang di beberapa kawasan estet kelapa sawit yang sedang pesat membangun, khususnya di Sabah dan Sarawak, kemungkinan ada juga di Semenanjung ini yang telah dibangunkan semula di mana kita mempunyai banyak kayu yang kita bakar sahaja, dari daunnya, batangnya dan seterusnya, kita hanya bakar sahaja.

Saya dimaklumkan bahawa di negara-negara tertentu termasuk negara Australia, mereka gunakan semua bahan kayu-kayan ini untuk dijadikan 'mulch' dan ini akan disebar di mana-mana tempat yang perlu untuk menjadikan tempat itu lebih subur di mana kita boleh mencantikkan tanaman kayu ataupun rumput yang begitu cantik dan elok untuk mencantikkan bandar kita. Saya dimaklumkan juga bahawa mulch ini mereka boleh eksport ke negeri-negeri tertentu seperti negeri Arabia di mana tidak banyak kayu di situ dan di tempat seperti itu di mana mereka gunakan mulch ini, mereka sudah menukarkan di mana padang pasir itu boleh digunakan sebagai kebun yang mempunyai tempat-tempat tumbuhan yang cantik.

Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita boleh lihat cari cara untuk menggunakan mulch ini dalam negeri kita ini, saya rasa adalah bahan-bahan tempatan di mana kita boleh mencantikkan lebih lagi bandar-bandar kita ini. Walaupun saya rasa di seluruh Malaysia ini tidak perlu kita menggunakan banyak baja, tetapi kalau kita gunakan bahan yang biasa ataupun tumbuh-tumbuhan tadi, tidak perlulah kita gunakan mineral ataupun baja-baja yang kita manufacture ataupun kita import dari luar negara. Jadi, dengan itu saya ingin cadangkan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini bukan sahaja bekerja untuk mencantikkan bandar sendiri tetapi mungkin bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain di mana kita boleh gunakan bahan-bahan yang saya sebutkan tadi.

Kita sedia maklum, dalam proses membangunkan estet, Tuan Yang di-Pertua, kayu-kayu, daun-daun yang saya sebut tadi adalah dibakar sahaja. Sekarang ini dalam beberapa minggu yang lepas kita telah mengalami satu keadaan di mana banyak jerebu di negara kita ini, bukan sahaja di Kuala Lumpur.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh nanti sekejap. Saya minta Ahli Yang Berhormat Dato' Zuki ganti dan bantu saya sekejap.

*[Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin **mempengerusikan Mesyuarat]***

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil alih ini menurut peruntukan 6(3) Peraturan Mesyuarat kita, untuk mengambil alih daripada Timbalan Yang di-Pertua tadi.

Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Tuan Ding Seling untuk melanjutkan ucapannya.

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya sedang sebut mengenai jerebu, di mana dalam proses kita membangunkan estet, kita juga membakarkan, maka kebakaran yang berlaku di estet itu saya rasa ada sedikit-sebanyak membuat kontribusi terhadap jerebu yang ada pada kita, walaupun kita dimaklumkan bahawa punca yang besarnya bukanlah dari negara kita, tetapi dari negara luar. Tetapi yang saya sebut di sini, pertama ialah alternative uses, dengan izin, kayu-kayan yang kita bakar itu yang boleh kita gunakan yang mempunyai nilai-nilai ekonomi bagi kita. Yang keduanya, saya rasa negara kita juga boleh mengurangkan open burning, dengan izin, dan menentukan juga bahawa udara kita adalah lebih bersih.

Itulah cadangan saya mengenai perkara itu. Saya juga sokong kawan-kawan saya tadi yang menyatakan tadi di mana tugas-tugas landscaping di negara kita ini memang banyak, misalnya di Bakun dan juga banyak di Semenanjung di mana jalan-jalan raya itu perlukan landscaping. Seterusnya bukan sahaja untuk menanam rumput, saya juga ingin cadangkan supaya pokok-pokok juga ditanam. Seperti di Sarawak saya ingat kita boleh tanamkan satu pokok bernama 'Bitangor' yang juga mempunyai khasiat yang dikatakan boleh menjadi anti-AIDS.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sentuh B.22, iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Di sini saya ingin menyeru kepada Kerajaan Pusat supaya promosi-promosi pelancongan, tugas promosi di luar

negara dilakukan dengan lebih sistematik dan mengambil kira dari semua aspek negara kita ini, termasuklah dari negeri Sabah dan Sarawak. Saya sebut perkara ini bukan dari fikiran saya sendiri, kerana ramai mereka yang sebagai pengusaha hotel ataupun tourist agency di Sabah dan Sarawak yang selalu mengatakan bahawa mereka kadangkala tertinggal ataupun tidak diambil kira, sama ada ini tepat ataupun tidak saya di sini kemukakan supaya janganlah mereka itu memikirkan mereka tertinggal pula di masa-masa hadapan, di mana antara lain secara khususnya perkara-perkara yang diadakan ialah mereka tidak diundang ataupun dibawa untuk bersama-sama dengan kementerian untuk bersama-sama keluar negara untuk mempromosikan tempat-tempat di Sabah dan Sarawak yang menjadi tarikan kepada pelancong dan kerajaan juga dinyatakan tidak mengambil kira dari segi pengangkutan, yang mana saya ingin juga sebut nanti di dalam B.47. Di sini saya ingin menyeru supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ambillah kira dari aspek-aspek itu, di mana orang-orang di negeri Sabah dan Sarawak juga ingin menyertai promosi-promosi di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh dalam B.42, di mana rakan saya Yang Berhormat Dato' Ahmad tadi sudah sentuh mengenai NGO, sebenarnya juga saya ingin sentuh perkara ini. Tetapi oleh kerana beliau telah membahaskan perkara ini dengan begitu baik, maka saya ingin hanya menyentuh perkara ini di mana saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya mengambil tindakan terhadap pihak-pihak NGO yang mempunyai tujuan untuk merosak nama negara kita. Lebih-lebih lagi di mana mereka selalu

bekerjasama nampaknya dengan orang-orang barat yang mengkritikkan pembangunan-pembangunan yang berlaku di negara kita ini. Saudara saya tadi telah menyentuh perkara Bakun, dan saya juga menyentuh Projek Bakun dan seterusnya mengenai pembangunan-pembangunan estet seperti di negeri Sarawak.

Di Sarawak ramai ahli-ahli NGOs seperti The Green selalu pergi ke tempat-tempat kampung dan mengatakan bahawa estet-estet itu tujuannya adalah semata-mata untuk merampas tanah orang-orang tempatan, dan adalah satu cara bagi kerajaan untuk merampas hak orang-orang tempatan. Apabila kita melihat bahawa mereka yang menyebarkan perkara itu ataupun bercakap begitu kepada orang-orang kampung, orang-orang di luar bandar, kita melihat mereka ini bukanlah orang yang mempunyai pemikiran sendiri ataupun dalam erti kata yang lain tidak mempunyai tujuan yang baik, tetapi mereka adalah yang telah digunakan sebagai ‘mulfy’, dengan izin, bagi orang-orang yang kita tidak tahu siapa dari belakang mereka. Tetapi apabila kita meneliti lebih mendalam lagi adalah jelas sekali bahawa ada orang dari luar negara kita yang menjadi penganjur mereka yang telah memberi mereka wang untuk berjalan ke sana-sini dan pergi ke tempat-tempat tertentu untuk menentukan bahawa orang-orang di luar bandar yang hendak dibantu oleh kerajaan untuk membawa mereka ke arus pembangunan melalui pembangunan tanah mereka, tanah adat dan seterusnya tanah kerajaan, maka mereka ini telah pun kadangkala terkeliru, terpedaya oleh ahli-ahli NGOs itu.



Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru supaya pihak kerajaan mengenal pasti bukan sahaja apa dia NGO-NGO tertentu yang sering menyebarkan maklumat-maklumat yang tidak betul dengan tujuan untuk membuat jahat di antara orang-orang itu, tetapi juga mengenal pasti siapa dia mereka sebagai ahli NGO itu, kerana mereka gunakan sistem di mana susah hendak mengenal pasti mereka. Misalnya, kalau saya adalah presiden NGO di situ dan saya minta orang lain pula yang buat, dan seterusnya orang lain itu suruh orang lain pula. Ini satu cara untuk mengelirukan pihak authority supaya mereka tidak mudah dikenal pasti. Dengan itu, saya ingin menyerukan supaya pihak kerajaan mengambil pandangan yang tegas mengenai tindakan-tindakan NGOs yang ingin mengelirukan orang-orang kita khususnya orang-orang di pedalaman yang mempunyai pandangan yang mungkin agak sempit dan mudah diperdayakan oleh orang-orang yang datang untuk mengelirukan mereka.

Sehubungan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin cadangkan juga supaya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memikirkan satu cara untuk membuat kajian sosial, social research, dengan izin, kerana dalam keadaan kita sekarang kita sedia maklum banyaklah gejala-gejala sosial yang kurang baik di antara dalam masyarakat bukan sahaja di bandar-bandar di mana kita lihat banyak gejala-gejala sosial seperti pembuangan anak dan raping of on children, dengan izin, maka perkara-perkara seperti ini saya rasa memang adalah punca-punca sebabnya. Kita tidak mengatakan bahawa golongan ini golongan itu yang mudah terkena ataupun mudah yang selalu melakukan perkara ini, tetapi kita ingin tahu, ingin membuat

research apakah sebab-sebabnya gejala-gejala sosial yang tidak elok itu berlaku. Kemungkinan ketiadaan sosio-ekonomi, kemungkinan persekitaran, kemungkinan juga perkara-perkara yang lain, tekanan-tekanan dari segi sosial.

Saya ingin cadangkan supaya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adakan satu sistem, satu tugas khas supaya sering bekerjasama dengan pihak universiti-universiti kita untuk melakukan social research, mengenalpastikan punca-punca perubahan dalam negara kita ini. Kita sedia maklum bahawa dalam sebuah negara dalam proses membangun memang ada proses-proses perubahan yang menjadi tekanan kepada masyarakatnya. Oleh itu, kita tidak sahaja melihat dari segi pembangunan fizikalnya, tetapi saya rasa eloklah kerajaan melihat dari segi pembangunan, pertukaran dari segi sosio-ekonomi, dari segi sikap kita yang juga perlu bertukar apabila pembangunan sosio-ekonomi berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga sentuh B.47 walaupun apa yang saya hendak sentuh di sini adalah mengenai landasan kapal terbang di Sarawak. Saya ingin sebut di sini dua perkara, yang pertama sekali ialah landasan kapal terbang untuk twin otter di tempat-tempat pedalaman di Sarawak, oleh kerana landasan itu walaupun bukan sering digunakan, mungkin dua-tiga twin otter pergi ke situ dalam satu minggu, tetapi landasan itu ada juga penting kepada masyarakat tempatan. Saya tahu bahawa ongkos atau kos untuk membangunkan landasan itu memanglah tinggi, memang tidak ada nilai ekonomi kalau kita lihat dari segi pulangnya.

Walau bagaimanapun, sistem pengangkutan dalam negara kita ini bukan sahaja pengangkutan dari segi landasan kapal terbang tetapi yang lain-lain juga misalnya dari segi electricity, telefon, perkara ini haruslah ada.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya ingin menyeru di sini supaya landasan-landasan kapal terbang di luar-luar bandar di Sarawak hendaklah diperbaiki, saya tahu ada juga beberapa yang sedang diperbaiki, saya boleh sebut dua, tiga di sini misalnya di Long San yang telah pun dimula dua tahun dahulu tetapi masih lagi sedang dibina sekarang, belum lagi kemas, belum lagi selesai ataupun baik dan juga satu lagi lebih di hulu sungai lagi dekat kepada Indonesian Borneo, dengan izin, di Long Bangak dan juga di Bario dan satu, dua tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, tempat-tempat itu seperti yang saya sebutkan tadi adalah begitu penting mungkin ada gunanya kemudian hari nanti oleh kerajaan, di mana kerajaan bolehlah ke sana dengan secepat mungkin oleh kerana kawasan itu adalah kawasan Malaysia juga dan oleh kerana jauh dari pusat pentadbiran, kita akan melihat ada orang-orang luar yang datang berjalan melintas border kita dan mereka akan berada di situ, bagaimana caranya kerajaan misalnya Defence Department akan pergi ke situ adalah dengan secepat mungkin, satu caranya adalah menggunakan landasan kapal terbang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk penghabisan saya ingin sebut satu perkara yang lain iaitu mengenai jalan raya, walaupun tidak ada di dalam Bill ini, saya ingin sebutkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana dalam proses membangunkan jalan raya di Sarawak kita lihat kualitinya agak kurang benar,

saya dimaklumkan bahawa anggaran perbelanjaan untuk membangun satu kilometer jalan raya di Sarawak adalah lebih kurang RM1 juta sahaja.

Nampaknya anggaran ini memang tinggi juga tetapi oleh kerana ia RM1 juta sahaja banyak para kontraktor di situ untuk membangunkan jalan, mereka juga hendak mengambil untung maka duit wang yang digunakan untuk membangunkan jalan tadi adalah kurang RM1 juta maka dengan itu jalan raya yang dibangunkan kualitinya adalah begitu kurang.

Selepas siap sahaja jalan itu dalam sebulan, dua bulan nanti sudah pun rosak. Saya rasa dalam keadaan yang begitu, lebih elok lagi, lebih baik lagi dari segi long term kosnya kita gunakan lebih wang untuk satu kilometer dengan syarat kerajaan ataupun pihak atasan, pihak authority juga menentukan bahawa kerja-kerja untuk membangunkan jalan raya itu adalah diseliakan dengan begitu ketat supaya wang yang banyak digunakan itu mungkin lebih dari RM1 juta atau RM2 juta adalah sebenar-benarnya digunakan untuk membangunkan jalan raya. Kalau Ahli Yang Berhormat ada chance untuk pergi ke Sarawak kalau menggunakan jalan raya dari bandar Kuching ke Bintulu misalnya pasti melihat banyak lubang-lubang dalam jalan raya itu, ada juga kadangkala susah untuk melintaskannya, ini mungkin bukanlah sebab yang lain saya ingat ialah oleh kerana kualiti jalan raya yang dibangunkan itu adalah begitu kurang sangat. Dengan itu mungkin lebih mahal ataupun lebih wang yang kerajaan akan gunakan untuk menentukan jalan raya tadi boleh digunakan oleh orang-orang tempatan. Dengan itu juga mungkin mereka ke

tempat itu lebih tinggi ongkosnya dari segi sosial ekonomi juga oleh kerana mungkin ada orang yang kena accident, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahaskan dan saya sokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

**Tuan Janggu Anak Banyang:** *[Bangun]*

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ya, saya minta Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang. Yang Berhormat Dato', selepas itu Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

**4.50 ptg.**

**Tuan Janggu Anak Banyang:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian untuk membahaskan dalam perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam bahagian B.14 mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah menggunakan wang tambahan sebanyak RM3,525,000 untuk kerja-kerja kecantikan bandar bagi enam buah pihak berkuasa tempatan.

Saya berharap dengan wang sebanyak itu, untuk mencantikkan bandar-bandar tersebut, oleh kerana kita akan menganjurkan Sukan Komanwel dalam

tahun 1998, tahun akan datang, saya berharap semua aspek penanaman atau kecantikan semula ini dibelanjakan dengan sebaik-baiknya untuk mencantikkan keindahan alam sekitar kita di negeri ini.

Walau bagaimanapun, saya kluatir oleh kebanyakan kecantikan bandar-bandar kita telah dicemar oleh, dengan izin, vandalism. Saya harap ini akan diperketatkan oleh kalangan remaja sekarang ini yang lebih tidak prihatin dengan barang-barang yang telah kita cantikkan dan kita membelanjakan banyak wang selepas itu mereka rosakkan.

Saya berharap ini tidak akan berlaku semasa Sukan Komanwel akan datang, ini adalah untuk kebaikan negara kita. Oleh itu, saya berharap juga dengan peruntukan yang sebanyak ini semua pihak berkuasa tempatan dengan lebih-lebih lagi meneliti semua dan jaga kebersihan negara kita.

Saya melihat negara kita ini lebih-lebih lagi di bandar, yang menyedihkan iaitu tandas dikedai-kedai kopi. Apabila kita masuk ke tandas di kedai-kedai kopi, kita melihat tandas yang kotor. Saya fikir Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan patut mengambil kira memberi arahan atau amaran kepada pekedai-pekedai yang tidak membersihkan tandas-tandas, itu memberi imej yang tidak baik kepada negara kita. Oleh kerana kita akan menerima pelancong-pelancong dari luar negara semasa Sukan Komanwel nanti.

Oleh itu saya berharap semua pihak sama-sama bekerja untuk memastikan tandas-tandas lebih-lebih lagi kepada pekedai-pekedai restoran dan kedai-kedai kopi. Di negara-negara Barat kalau kita masuk ke kedai-kedai kopi

atau restoran, kita terus pergi ke tandas mereka, kita melihat tandas yang lebih bersih, saya boleh memberi tahap sebagai tahap empat bintang atau tiga bintang. Jikalau dibandingkan dengan negara kita, itulah perkara yang menyedihkan. Saya berharap ini tidak berlaku di masa yang akan datang.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat, tandas pun ada bintang sekarang ini?

**Tuan Jangu Anak Banyang:** Saya berharap bersih agar diberi bintanglah untuk menggalakkan. *[Ketawa]* Di Sarawak telah dicuba perkara seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini juga saya ingin menyentuh dalam B.22 mengenai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, kita akan menganjurkan atau menjadi penaja Lumba Kereta Formula One. Ini saya harap perbelanjaan ini sepatutnya diberi peranan yang lebih penting untuk menaja perlumbaan ini di negara kita dan diberi banyak advertisement, dengan izin, di dalam akhbar-akhbar dan TV kita untuk menggalakkan negara-negara luar untuk memasuki perlumbaan seperti perlumbaan Kereta Formula One ini.

Oleh itu saya berharap ini bukan hanya kita menggalakkan pelumba-pelumba Formula One, tetapi pelumba-pelumba lain pun boleh digalakkan di negara ini seperti perlumbaan bot laju iaitu seperti Formula One Bot Laju boleh digalakkan seperti diadakan di Pulau Pinang, di tahun-tahun lepas telah diadakan.

Saya berharap Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan boleh mengadakan atau menganjurkan perlumbaan seperti itu. Oleh kerana ini

telah menarik minat pelumba-pelumba di dalam negeri kita ini dan juga di luar negara serta juga ini boleh menarik para pelancong berminat masuk ke negara kita untuk melihat sendiri pelumba-pelumba kita bertanding dengan pelumba-pelumba antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga saya merayu kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bukan hanya gua seperti Gua Mulu di Miri, Sarawak, tetapi kebanyakan keunikan seperti rumah-rumah panjang di dalam pedalaman telah menarik pelancong dari luar negara untuk melihat sendiri bagaimana rakyat di pedalaman dan penghidupan mereka bagaimana mereka bergaul dengan sama sendiri di pedalaman.

Oleh itu juga kebanyakan apabila pelancong-pelancong datang ke pedalaman seperti di Sarawak, mereka telah memperlihatkan kebanyakan kebudayaan mereka seperti Tarian Ngajat dan pelbagai permainan kebudayaan mereka yang menarik minat para pelancong yang datang ke negeri Sarawak.

Saya berharap Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini boleh memberi iklan-iklan dalam kaca TV kita dan kepada luar negara untuk menarik minat pelancong kita. Oleh itu, saya berharap juga semasa kita mengadakan Sukan Komanwel tahun 1998, saya berharap mereka akan melawat negeri Sarawak dan Sabah untuk melancong. Oleh itu saya harap lebih-lebih lagi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan boleh memberi advertisement kepada negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai B.32 - Jabatan Hasil Dalam Negeri di mana kita telah difahamkan mereka adalah sebagai jabatan yang mengutip



cukai daripada individu dan syarikat-syarikat untuk tujuan pembangunan tetapi malangnya disebutkan oleh rakan kita tadi iaitu dari Pulau Pinang menyatakan kebanyakan wang yang lebih dibayar cukai kepada syarikat atau individu dapat dipulangkan tetapi malangnya setakat ini belum dapat dipulangkan. Tetapi, jikalau kita lambat membayar cukai kita akan menerima surat atau kemudian dipenalti, apakah sebabnya orang membayar dikenakan penalti kerana lambat bayar tetapi memulangkan wang ringgit mereka tidak dipenalti. Saya berharap ini pun boleh diambil kira juga.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kebanyakan wang ini dikutip oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri, saya berharap mereka yang menggunakan komputer yang lebih canggih ini dapat dipercepatkan. Walau bagaimanapun, mereka dapat mempercepatkan proses mengira kutipan tetapi apa sebabnya lambat proses membayar balik, itu saya khuatirlah, apa sebabnya. Nanti saya minta penjelasan daripada Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.42 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah menggunakan tambahan sebanyak RM5 juta dikehendaki membiayai program-program melibatkan peningkatan keupayaan dan penyertaan wanita dan pembangunan. Saya berharap tujuan ini bukan semata-mata untuk wanita di bandar sahaja tetapi sepatutnya program ini dilibatkan kepada pedalaman oleh kerana pedalaman, kalau kita melihat pembangunan yang kurang dari pedalaman, saya harap program ini dapat diperbuatkan kepada pedalaman seperti membangunkan mereka untuk

mengambil bahagian dalam pelajaran penjahitan atau anyaman seperti untuk meningkatkan tahap penghidupan mereka lebih-lebih lagi di pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh B.47 - Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun, tambahan ini tidak kena mengena tetapi saya ingin menyebut ini dalam perbahasan ini untuk memberi perhatian kepada Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kerja Raya. Selama ini kita telah dimaklumkan oleh kerana Sarawak hanya satu highway sahaja dari Kuching dari Lundu hingga ke Limbang dengan menyedihkan apabila kita sampai berjalan dari Kuching ke Sibu kita akan melintasi sungai Rajang yang besar itu. Kita akan menggunakan perkhidmatan feri, walau bagaimanapun perkhidmatan feri itu dua buah berjalan tetapi malangnya satu buah sahaja berjalan. Oleh sebab saya selalu menggunakan perkhidmatan feri itu dikatakan rosak. Walau bagaimanapun ia rosak tetapi tidak semestinya ia dibaiki dengan secepat mungkin, feri itu diikat di tepi tetapi memakai satu feri sahaja. Jikalau kita melihat kebanyakan kenderaan-kenderaan melintas menggunakan perkhidmatan feri itu kita terpaksa menunggu empat atau lima jam untuk sampai ke giliran kita. Ini telah membebankan atau menyusahkan mereka yang menggunakan perkhidmatan feri itu. Yang dulu feri itu telah dikhidmatkan oleh Jabatan Kerja Raya tetapi setakat ini telah diswastakan. Semenjak diswastakan perkhidmatan feri itu berubah. Kebanyakan alasan telah berlaku kerana perkhidmatan tidak menentu. Saya berharap kementerian berkenaan boleh berhubung bagaimana kita akan menghadapi masalah ini oleh kerana saya telah difahamkan di mana feri ini telah diswastakan apabila ia berhenti

sepatutnya mengikut jadual dari masa pukul enam pagi hingga pukul enam petang. Semasa ia sepatutnya dijalankan tetapi lewat - sepatutnya berjalan pukul enam tetapi ia berjalan pukul lapan. Dua jam tidak berjalan, dia sudah untung dua jam minyak yang digunakan. Ini saya fikirkan tidak munasabah. Saya berharap apabila ini diswastakan, sepatutnya perkara ini tidak berlaku dengan mereka sepatutnya membaiki lebih-lebih baik lagi kerana kita menggunakan perkhidmatan feri ini.

Dengan ini saya sekali lagi menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih, Yang Berhormat Janggu. Saya menjemput Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz untuk berucap.

**5.07 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut menyokong Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1997 yang dibentangkan oleh pihak kerajaan semalam.

Pertama sekali dari segi dua, tiga perkara iaitu yang pertamanya saya pilih yang terbesar sedikit iaitu Maksud B.47 - Kementerian Pengangkutan. Kita dapati tambahan sebanyak RM167 million akan diperuntukkan bagi Perbadanan Aset Keretapi (Railway Asset Corporation) menjelaskan pinjaman Kerajaan Pusat dan saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan secara mana wang ini digunakan kerana saya difahamkan Perbadanan Aset Keretapi Tanah Melayu ini dalam proses untuk diswastakan dan saya juga difahamkan

Perbadanan Aset Keretapi mempunyai hartanah yang begitu luas daripada Singapura sampailah ke Utara - Mentakab pun ada juga, Kota Bharu dan sebagainya, jadi kita hendak tahulah berapa nilai aset yang Railway Asset Corporation ini ada dan setelah ianya diswastakan berperingkat-peringkat terutama sekali kita tengok di Sentul dan juga di Brickfield, saya tengok MRCB dapat projek besar-besaran di situ - Taiping Consolidated dapat di Sentul, jadi kalau adalah dua, tiga kawasan hartanah yang medan-medan ini yang berharga ini diswastakan apa perlunya Railway Asset Corporation ini diberikan pinjaman kerana kita tahu daripada penswastakan kawasan-kawasan ini sudah cukup menampung keperluan mereka dan kita hendak tahulah nilai aset yang ada sekarang ini pada pihak Perbadanan Aset Keretapi dan sebanyak mana pula pihak kerajaan akan mendapat keuntungan apabila aset-aset ini diswastakan ataupun diberikan kepada, saya diberitahu Renong dan juga DRB. Kita baca dalam surat khabar semalam, Renong pun dapat 40%kah, 50% campur satu share, ertinya dia akan menguasai aset-aset yang kini dipunyai oleh Keretapi Tanah Melayu.

Dan saya juga ingin mengetahui dari segi pengurusan Keretapi Tanah Melayu kerana kita ada terdengar banyak sangat rolling stock, dengan izin, yang dibeli oleh pihak KTM dan kadangkala perkara ini dibeli daripada Australia, Belgium, Czechoslovakia, apabila sampai ke tanah air kita ini tidak dapat diadunkan, disamakan, tidak dapat, dengan izin, di'synchronize' dengan batasan-batasan yang ada dalam sistem ini. Jadi, kalau ini berlaku kita hendak tahulah berapa kos yang telah dibiayai oleh Keretapi Tanah Melayu untuk

membeli rolling stock ini dan kini adakah ia dapat digunakan ataupun tersadai tanpa dapat digunakan dan mendatangkan faedah kepada kita. Jadi, kalaulah pihak kerajaan menerusi Kementerian Pengangkutan yang akan menerima wang tambahan sejumlah RM167 juta ini dapat memberikan sedikit penjelasan tentang perkembangan kedudukan kedua-dua badan ini iaitu Railway Asset Corporation dan juga Keretapi Tanah Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini juga saya hendak mengucapkan tahniah kepada negeri sebelah Utara sana di mana Timbalan Menteri Kewangan pun ada di sini - negeri dialah - yang mana kita tahu besar kemungkinan akan mendapat sebuah landasan kapal terbang seperti di Osaka, berertinya landasan kapal terbang ini akan dibuat di atas tanah yang akan diambil pasir-pasir daripada Indonesia dan sebagainya, timbun di situ kita buat landasan kapal terbang sampai ke laut - saya difahamkan.

Jadi, sungguhpun sebelah Utara sudah wujud landasan kapal terbang antarabangsa iaitu di Pulau Pinang dan juga di Langkawi pun boleh juga kita anggap sebagai antarabangsa kerana banyak kapal terbang dari Taiwan dan Jepun mendarat di sana dan ianya merupakan satu pusat pelancongan yang berkembang begitu cepat dan kita mengucapkan tahniah kerana sebelah Utara - Pulau Pinang, Kedah, Indonesia dan Selatan Thailand merupakan wilayah pembangunan yang amat besar dan dalam Dewan yang mulia ini pada satu ketika saya membayangkan kalau sudah kita ada wilayah pembangunan di sebelah Utara dan Selatan, saya tanya masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada di Dewan kita, kenapa tidak boleh kita wujudkan wilayah

yang sama - Kelantan, Terengganu, Pahang termasuklah Kampuchea yang sekarang ini sudah stabil sedikit politiknya, Songkhla, Golok sebelah Selatan Thailand dan juga Vietnam dan di sana pun banyak - dari segi hasil bumi - PETRONAS misalnya, kita dengar untung RM12 bilion. Kebanyakan keuntungan disedut daripada minyak dari Terengganu dan saya kira pun minyak itu mungkin daripada Pahang pun, kita tidak tahu, fasal di bawah tanah dia sedut daripada mana pun kita tidak tahu - tidak ada sempadan yang boleh menentukan minyak Terengganukah, minyak Pahang. Saya yakin minyak Pahang pun disedutnya juga.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Di Pahang ini ada benteng, dia tidak boleh telus. *[Ketawa]*

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Itu, Tuan Yang di-Pertua lebih arif, saya tidak tahu apa. Dan juga baru-baru ini KUB pun ada buat pengumuman bagaimana banyaknya gas di sebelah Kelantan. Jadi, dari segi khazanah kekayaan yang diberi oleh Allah Subhanahu Wataala melimpah ruah tetapi pembangunannya masih lagi dipinggirkan. Di sini saya ada buat satu soalan bertanya kepada pihak kerajaan, bagaimana dengan keretapi yang dulu kita - dalam tahun 80-an hendak kita buat dari Kuala Lumpur melalui tempat saya di Mentakab, Termerloh sampai ke Kuantan sampai ke Kota Bharu untuk hendak membuka luas kawasan yang masih lagi penuh dengan kehijauan. Kita hendak buka supaya salah satu pemangkin pembangunan ialah jalan-jalan besar ini - keretapi, tetapi saya perhatikan sampai sekarang ianya terkandas sungguhpun satu kajian yang dibuat yang memerlukan perbelanjaan RM4 bilion

dan sebagainya tetapi kalau sudah buat pada waktu itu, kini kita telah menikmati pembangunan yang boleh kita juruskan ke Pantai Timur.

Pada masa yang sama kita tengah memikirkan sekarang hendak buat jambatan yang paling panjang sekali - ke Indonesia! Bagus! Tetapi kita fikirkanlah juga keperluan di sebelah Pantai Timur. Kalau ikutkan saya, kita buat jambatan terus ke tempat kawan saya Senator Tuan Abdillah di Sarawak. Kalau Bakun boleh mengalirkan elektrik dari Bakun sampai ke Semenanjung - 600 kilometer, electricity di bawah air itu bila sampai ke Semenanjung 40% sahaja tinggal, ianya meresap, hilang dan kita buat. Jadi, kalau kita buat jambatan hendak pergi ke Indonesia boleh kita fikirkan jambatan untuk hendak menyambung Kargar sehinggalah sampai ke Sarawak dan Sabah. Itu lebih mengintegrasikan lagi negeri-negeri kita di Malaysia - Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak - menjadi satu apabila wujudnya jambatan.

Jadi saya menyerulah kepada pihak kerajaan, kita fikirkan dari segi dalaman (internalise). Sekarang ini saya tengok di Kuala Lumpur, kita baca peruntukan RM3 bilion, RM4 bilion akan mewujudkan circular road, lebuhraya bertingkat. Macam di Jepun kita tengok, tingkat yang kelima ada lebuhraya, tepi sahaja jalannya. Di Kuala Lumpur hendak buat macam itu juga dengan peruntukan RM3 bilion. Jadi, fikirlah hendak buat kereta api ini dahulu, hendak pergi ke Mentakab, Temerloh, Kota Bharu, Kelantan, Terengganu dan sebagainya, akan terbuka luaslah dari segi kawasan-kawasan pembangunan.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ini landasan kapal terbang di Kedah, ini di Kuala Nerangkah?

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Itu saya kurang periksa, pihak kerajaan mungkin akan menjawabnya. Itu saya tidak tahu di mana, mungkin kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteriakah?

Bercakap tentang landasan kapal terbang, pada satu ketika dahulu kita pernah menyuarakan kalau sekiranya landasan kapal terbang antarabangsa di peringkat sebelah barat sahaja, kita juga hendakkan landasan kapal terbang. Saya memang menyokonglah Sabah dan Sarawak dapat satu setiap negeri, yang besar ini, tetapi saya juga ingin menyuarakan di sini Kuantan diberikan juga keutamaan untuk di sebelah Pantai Timur. Dahulu bila kita wujudkan kawasan pelancongan di Kelantan, Terengganu, Pahang, kita tengok kebanyakan pelancong hendak pergi secara terus (direct) ke Pantai Timur tetapi tidak dapat kerana tidak ada persambungan kapal terbang (connecting flight). Kita buat sekali, saya masih ingat, Dragon Air daripada Hong Kong terbang terus ke Kuantan dan mereka terus menginap di Kelab Med dan sebagainya, kerana mereka tidak mahu pergi ke Kuala Lumpur, transit, selepas itu terus pergi ke Kuantan, Kuala Terengganu atau Kota Bharu.

Jadi saya menyeru juga pihak Kementerian Pengangkutan menimbangkan satu landasan kapal terbang peringkat antarabangsa yang boleh mendarat Boeing 777, kalau tidak dapat 747, supaya dapat mendarat di Kuantan, saya suruh ke Kuantan dahulu, lepas itu boleh kita fikir Kuala Terengganu dan Kota Bharu, pergi ke Kuantan, singgah di situ, lepas itu kita



pun boleh distribute, ke Singapura boleh pergi. Kita boleh ambil pelancong-pelancong daripada Singapura ke Kuantan, pelancong-pelancong daripada Taiwan, Korea, Jepun dan Amerika direct flight, singgah sekejap mungkin di Tokyo, terus ke Kuantan untuk hendak mengisi tempat pelancongan yang sekarang ini sudah banyak di sebelah Pantai Timur.

Jadi, dua perkara ini saya hendak minta pihak kerajaan memikirkan kembali. Jangan kita memikirkan cara penjajah dahulu, Swettenhamkah atau sesiapa. Pada zaman dahulu kebanyakan pembangunan semuanya di Pantai Barat kerana waktu itu banyak timah dan senang mentadbirkan. Apabila wujudnya negeri-negeri di Pantai Barat, iaitu Selangor, Melaka, Johor dan Pulau Pinang ini semuanya dibangunkan di sebelah sini dan kita dipinggirkan. Setelah merdeka 40 tahun, pemikiran kita dicolonisekan, kita keluarkan pemikiran kita daripada ala penjajahan ini kepada pemikiran anak bumi, anak bangsa dan memikirkan penduduk-penduduk di sebelah Pantai Timur supaya ianya dapat menikmati pembangunan yang sama rata. Pada masa ini kalau kita ikut dari segi per kapita pembangunan fizikal, per kapita berasaskan kepada penduduk, lebih banyak dicurahkan di Pantai Barat daripada Pantai Timur. Dan kalau kita ikut pula kawasan per kilometer persegi, lebih banyak pula dicurahkan di Pantai Barat daripada di Pantai Timur, termasuk Sabah dan Sarawak, sebab negerinya luas - Sabah, Sarawak, Pahang - Pahang yang terbesar di Semenanjung. Tetapi bila kita tengok dari segi pembangunan.....

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Tuan Speaker, oleh sebab saya tidak akan menjawab kerana Setiausaha

Parlimen yang menjawab, saya hendak perbetulkan. Pembangunan per kapita untuk 1996, per kapita yang paling tinggi dari segi wang Kerajaan Persekutuan adalah di Kelantan RM28 satu kepala, di Kedah nombor dua RM25. Negeri Perdana Menteri pun nombor dua daripada negeri Kelantan yang diperintah oleh parti pembangkang. Pahang nombor empat. Jadi, hendak kata Kedah dan negeri Pantai Barat paling tinggi, tidak berapa betul sebab Kelantan paling tinggi sekali, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Mengapa sayang sangat ke Kelantan ini?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya pun tidak tahu, Tuan Speaker, kerana Kelantan ada daya penarik yang tertentu. *[Ketawa]*

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tetapi maksud saya tadi bukannya dari segi pembangunan peringkat negeri, Tuan Yang di-Pertua, saya memikirkan pembangunan secara holistik, maknanya jalan raya, lebuhraya, misal kata North-South Highway. North-South Highway dan lebuhraya di sekitar Pantai Barat itu saya membahagikan kepada penduduk-penduduknya. Itu maksud saya, bukan per state. Kalau per state, mungkin, Kelantan dapat menerima yang banyak. Tetapi secara menyeluruh, ongkos pembangunan lebih banyak dicurahkan di Pantai Barat, tidak boleh sesiapa pun menafikan ini.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat Dato', tolong jaga sedikit, tangan Dato' nanti kot ter.....tak ada apa! *[Ketawa]*

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya berterima kasihlah kerana Tuan Yang di-Pertua amat prihatin terhadap tangan saya yang jatuh dari kuda ini.

Jadi, itu tidak boleh dinafikan. Yang kita perlu sekarang ini ialah menyamaratakan pembangunan secara menyeluruh dan memberikan pandangan supaya pembangunan itu diperhati ke dalam (internalise), selain daripada kita memerhati ke luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin hendak menyentuh berkenaan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kerana saya perhatikan, apabila kita ada sahaja upacara besar-besar, waktu itulah kita hendak memperbaiki satu-satu benda. Sebab itulah kadangkala kita tengok orang-orang kampung kita hendak panggil Menteri Besar datang, Menteri datang, kerana pada waktu itulah JKR akan buat jalan elok sedikit, bela ini sedikit, perbetulkan itu sedikit. Sekarang ini ramai orang dari luar negara di seluruh Komanwel akan datang ke tempat kita, pada waktu itulah kita hendak masukkan duit ini sedikit, hendak perbaiki. Mentaliti ini pun sudah salah.

Kita patut perbetulkan pemikiran kita, perbaiki. Kecantikan dan keindahan adalah merupakan budaya kita. Bukannya untuk orang ramai, tetapi untuk kita sendiri. Apabila kita memikirkan satu-satu keindahan itu untuk orang lain dan tidak untuk kita, bila orang lain tidak ada, kita pergi fiil lama, tabiat lama, tabiat yang penuh kekotoran. Sebab itulah apabila kita tengok pelawat negara kita, Perdana Menteri Nawaz daripada Pakistan, sungguhpun Perdana Menteri kita mengatakan memang dia tidak menyebut, tetapi kata

Yang Berhormat Dato' Tajol Rosli hari ini dalam surat khabar, dia ternampak kekotoran, serbuk-serbuk dan sebagainya. Sekarang saya rasa kalau sekiranya kekotoran negara kita sudah sampai ke perhatian Perdana Menteri, ini satu peringkat yang membahayakan kesihatan kita, pandangan kita dan sebagainya.

Jadi, budaya yang dituntut oleh agama, yang dituntut oleh bangsa Timur ini, orang Cina, orang Melayu, orang India, semuanya memerlukan kebersihan. Semuanya menyanjung tinggi dari segi kebersihan hati dan juga kebersihan fizikal. Malangnya yang paling kotornya negara kita, yang ini paradox, saya pun hairan. Sudah banyak kempen. Ini hendak buat landscape RM3 juta, ini merupakan setitik air dalam satu lautan. Yang sebenarnya di dalam ini [*sambil menunjukkan ke dada*].

Saya kadang-kadang pergi ke masjid di tepi-tepi jalan, kita singgah hendak sembahyang, hendak masuk ke tandas kerana hendak ambil wuduk, kena ini [*sambil menutup mulut*] teruk, walhal kita ada pegawai yang sentiasa berkhotbah mengatakan bagaimana perlunya dari segi kesucian, keindahan dan sebagainya, di hati dan juga di kawasan-kawasan.

Tadi saya keluar dari toilet kita. Negara kita ini adalah negara tropika. Kita tengok, kita tidak ada alat yang menyedut udara, jadi hapak, sehapak-hapaknya. Ini secara serius di tempat kita sendiri.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ya, betul.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Kita tidak taruh benda yang mewangi-wangikan, selepas itu kita tidak ada alat yang hendak menyedut udara dalam ini supaya keluar dan masuk udara baru, circulation tidak ada, terpengap

di dalam itu. Ini yang menyedihkan. Tidak payah pergi jauh, di Parlimen sendiri. Jadi, kita punya piawaian keindahan, kecantikan dan kebersihan, orang hairan. Kita rasa sudah bersih, kita rasa sudah cantik, rupanya ada lebih cantik, lebih bersih. Jadi, standard kita, tahap kita, budaya kita dalam bidang kebersihan ini patut perbetulkan.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim baru-baru ini melancarkan Yayasan Salam. Yang perlu sekarang ini ialah kita perlukan sukarelawan bagi membersihkan dan mengindahkan tempat kita ini. Kalau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan letak RM3 juta hendak bersihkan hari ini hanya untuk Sukan Komanwel, selepas itu terbalik, terlingkup segala kekotoran, tidak ada impact. Jadi saya hendak menyerulah, sebab saya tanya tadi dari segi Kementerian Pendidikan di peringkat sekolah lagi. Kita pergi ke MRSM, sekolah-sekolah berasrama penuh ini, teruk sangat tempatnya dari segi kebersihan. Ini yang menyedihkan. Jadi di peringkat sekolah kita sudah buat, tetapi di peringkat sukarelawan ini kalau boleh satu kempen besar-besaran supaya budaya ini sentiasa ditanam, membersihkan kawasan.

Kenapa Selangor sekarang ini berhadapan dengan satu keadaan di mana air sudah berkurangan. Salah satu sebabnya, mengikut Yang Amat Berhormat Menteri Besarnya, mengatakan kekotoran, pencemaran di sungai-sungai, berbagai-bagai di dalam sungai itu, termasuk bangkai dan sebagainya, sudah dibersihkan beberapa kali tetapi tabiat kita hendak campakkan barang ke dalam sungai berterusan. Jadi, ini telah pun sampai kepada satu tahap yang

membahayakan. Saya tidak hendak sebut masa ‘darurat’ lagi, tetapi amat membahayakan. Kalau Kabinet sudah bincang perkara ini, Perdana Menteri sudah ulang beberapa kali, tetapi kita berdegil juga dengan keadaan kekotoran kita, kita hendakkan satu, mohon izin, design pemikiran kita, budaya kita ke arah pembersihan.

Ramai saudara kita Senator yang melawat ke luar negeri kata tidak tengok apa. Saya perhatikan di Saveway di supermarket di U.K., ada dua, tiga, empat tong besar-besar. Satu tong untuk kain baju, satu tong untuk plastik, satu tong untuk kertas-kertas, satu tong untuk sampah-sampah yang lain. Jadi, orang datang dengan kereta, pergi ke situ, masukkan surat khabar dalam satu tong surat khabar, kemudian benda ini boleh digunakan semula (recycle), kenapa tempat kita tidak ada langsung perkara macam ini? Tong biasa pun sudah tidak mencukupi. Kenapa tidak memikirkannya?

Kalau sekiranya macam hari minggu, saya hendak hantar kain buruk saya ke satu-satu tempat, tidak ada. Saya hendak hantar surat-surat khabar, majalah-majalah yang bertimbun-timbun, tidak ada tempat. Hantar ke tempat itu juga. Jadi, kalau kita buat tempat-tempat strategik di mana orang ramai datang, dengan tong besar-besar, kita taruh cap ini untuk kertas, ini untuk plastik, orang datang, bawa kereta pergi ke situ, masuk. Ini campak nun ke dalam Sungai Kelang sehinggalah sampai sampah sarap bertimbun-timbun di sana, ada berbagai-bagai. Jadi, perkara semacam ini sepatutnya kita proaktif memikirkannya. Sudah pergi ke luar negeri beberapa kali pun, kalau tidak

memikirkan perkara yang bagus kepada negara kita, sampai bila pun kita tidak akan meningkat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dua perkara sahaja. Pertama, yang kecil sekali RM3.5 juta berkenaan dengan sampah sarap ini. Yang pertama tadi saya sebutkan tentang Kementerian Pengangkutan, perkara yang besar-besar, hartanah dan sebagainya.

Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz yang telah memberi pandangan yang begitu baik sekali dan kita harap pihak kerajaan dan kakitangannya akan mendengar ucapan tadi dan ambil tindakan dengan serta-merta. Ya, Yang Berhormat Datuk Abdillah, dijemput.

**5.27 ptg.**

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Maaf, Tuan Yang di-Pertua, bukan 'Datuk', belum lagi 'Datuk'.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Insya-Allah.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997.

Sama seperti sahabat saya tadi Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno, saya juga ingin mengucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita yang kita kasihi dan juga Kerajaan Malaysia kerana telah menjemput saya mengikuti

rombongan beliau melawat Lebanon baru-baru ini. Semasa lawatan itu saya juga sama seperti rakan saya tadi berasa sangat terharu dan juga berasa bangga apabila melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita diberi penghormatan yang begitu tinggi oleh Perdana Menteri Lebanon.

Sepertimana yang kita maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memang sudah terkenal di seluruh dunia dari segi ketegasan beliau dan keberanian beliau apabila beliau memikirkan sesuatu itu adalah baik dan betul untuk rakyat ataupun manusia seluruhnya.

Dalam lawatan tersebut, peluang yang diberikan kepada kami sangatlah bererti kerana ianya adalah satu kesempatan untuk kami mengalami satu pembelajaran mengenai negara yang dilawati. Negara Lebanon yang kita lawati mempunyai satu keunikan yang kita lihat semasa lawatan tersebut di mana negara yang telah begitu hancur oleh peperangan sesama sendiri, telah berusaha pada masa ini untuk membina semula bandaraya Beirut iaitu, dengan izin, reconstruction of Beirut, dan seterusnya negara ini juga pada masa ini sedang mempertingkatkan pengeluaran makanan di mana walaupun negara itu adalah mempunyai iklim yang baik kerana ianya berdekatan dengan Mediterranean, ianya juga berhampiran dengan padang pasir.

Walau bagaimanapun, keadaan mereka masih lagi memandang berat terhadap peningkatan pengeluaran barang makanan. Inilah satu-satunya perkara yang saya sangat tertarik hati, di mana sebuah negara yang telah hancur oleh sebab peperangan dapat hidup semula. Rakyatnya dapat berusaha



untuk menghidup dan membangunkan semula bandar rayanya dan juga memperbanyakkan lagi pengeluaran barang-barang makanan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peluang ini saya juga ingin menyentuh beberapa perkara yang ada dalam peruntukan Perbekalan Tambahan 1997. Perkara pertama yang saya ingin sentuhkan di sini ialah sama juga seperti yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman tadi, yang berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, iaitu B.14, di mana kerajaan pada masa ini sedang membelanjakan sejumlah RM3 juta untuk mengindahkan 6 buah majlis tempatan bersempena dengan Sukan Komanwel kelak. Saya berpendapat usaha untuk mengindah dan mencantikkan bandar kita bukan hanya dibuat sewaktu kita mengadakan perayaan besar sahaja, tetapi ianya patut menjadi satu amalan di mana kita sentiasa mengindah dan mencantikkan bandar-bandar kita.

Berkaitan dengan ini, saya juga ingin menyentuh apa yang telah ditegurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini tentang sampah-sarap yang telah dilihat oleh beliau semasa lawatan Perdana Menteri Pakistan. Saya juga dapat merasa bagaimana hampanya Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Perdana Menteri kita apabila beliau melihat sampah tersebut, kerana selama ini beliau telah begitu gigih berusaha untuk mengindahkan negara kita, mencantikkan negara kita, mengetengahkan negara kita ke dunia luar, dan apa tah lagi apabila seorang pelawat yang dianggap begitu sebagai penting telah melihat keadaan yang sebegitu rupa di mana ianya boleh memalukan kita. Jadi, saya berharap perkara seperti ini tidak akan

berulang lagi kerana saya sendiri berasa simpati dengan teguran Yang Amat Berhormat. Bayangkanlah bagaimana perasaan seorang negarawan kita yang telah begitu kuat bekerja untuk membangunkan negara dan memperkenalkannya ke dunia luar, tetapi perkara yang kecil telah dilupakan sehingga apabila sesuatu perkara yang penting berlaku ataupun apabila beliau mempunyai tetamu penting perkara seperti ini boleh mencemarkan imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kebersihan - sama juga seperti rakan-rakan kita dalam Dewan yang mulia ini, saya berasa sedih melihat sikap orang-orang kita Malaysia terhadap kebersihan. Kita telah diajar sebagai orang Islam bahawa kebersihan itu adalah sebahagian daripada iman, tetapi dukacitanya kita selalu melihat beberapa tempat di mana kebersihannya sepatutnya terkawal, yang mana didapati tidak sebersih apa yang kita harap-harapkan. Di sinilah ada kena-mengena dengan sikap orang-orang kita bukan sahaja sikap orang yang membuang sampah dan sisa-sisa tetapi juga sikap para pekerja yang memungut sampah dan sisa-sisa itu.

Kadangkala apabila kita mempunyai sampah dan sisa yang kita hendak buang, dukacita tiada tempat yang tertentu untuk kita membuangnya. Kalau pun ada tempat yang tertentu untuk kita membuangnya, kadangkala sampah-sampah itu tidak dipungut pada waktu yang tertentu sehingga ianya menjadi banyak dan melimpah dan dikerumuni oleh lalat. Ini adalah kerana pekerja-pekerja yang diamanahkan supaya memungut sampah ini pada waktu yang tertentu dan membersihkannya sebersih-bersih seperti yang dikehendaki

tidak menjalankan tugas mereka seperti yang diharap-harapkan. Jadi, di sini bukan sahaja orang yang tukang buang sampah, tetapi orang yang tukang pungut sampah juga mesti mengubah sikap mereka masing-masing.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menggalak semangat rakyat supaya pandai membuang sampah, kita harus juga menyediakan kemudahan untuk membuang sampah. Kadang-kadang tidak ada kemudahan yang tertentu untuk membuang sampah. Kalau ada pun ianya tidak dapat diletakkan pada satu tempat dengan tetap dan apabila diriup oleh angin ataupun disepak, ianya boleh jatuh, dan tong sampah itu tidak akan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya apabila ianya terbalik. Jadi, dengan itu pihak yang berkuasa hendaklah meletakkan tong-tong sampah itu di tempat yang sesuai dan diatitkan supaya ianya tegap ataupun teguh dan tidak mudah terbalik apabila ditiup angin ataupun disepak. Dengan itu, orang ramai akan dapat menggunakannya dengan senang untuk membuang sampah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga di kawasan perumahan, pihak yang memungut sampah tidak mahu memungut sampah-sampah seperti perabot-perabot kayu dan peralatan rumah yang sudah tidak berguna lagi dan ditinggalkan begitu sahaja di hadapan rumah dengan alasan bahawa barang-barang itu terlalu besar untuk dimasukkan ke dalam kereta sampah. Jadi, saya berpendapat pihak yang berkenaan harus juga menyediakan kemudahan di mana sampah-sampah seperti ini dapat dipungutkan supaya ianya tidak menjadi eyesore, dengan izin, bagi satu-satu kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga kereta-kereta buruk yang terbiar begitu sahaja dan menjadi sampah serta menjungkilkan mata di kawasan-kawasan lapang. Saya berpendapat kita harus mempunyai satu kemudahan di mana barang-barang sisa seperti kereta-kereta yang sudah buruk dapat dikumpul dan dimusnahkan dengan cara baik. Kalau ianya metal, dengan izin, mungkin kita boleh gunakan logam itu untuk diproses semula. Kalau ianya kayu, saya rasa mungkin ada baiknya kayu itu digunakan semula ataupun dibuangkan secara yang baik dengan tidak membakarkan kayu itu, kerana open burning, dengan izin, boleh juga menimbulkan pencemaran kepada alam sekeliling kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara B.22 di mana kerajaan telah menggunakan wang untuk membayar baki bagi sukan perlumbaan Formula One, yang mana adalah satu-satunya sukan yang boleh membawa negara kita diperkenalkan di antarabangsa. Tidak lama lagi kita juga akan mengadakan Sukan Komanwel yang mana akan memperkenalkan negara kita kepada negara luar dari segi kemudahan yang ada kepada kita dan juga dari segi kemampuan untuk kita mengadakan sukan yang begitu besar. Dengan adanya sukan ini kelak, saya berharap peluang juga diberikan kepada rakyat Malaysia yang jauh daripada Kuala Lumpur untuk turut serta melihat sukan ini bukan sahaja melalui kaca TV, tetapi juga datang ke Kuala Lumpur, dan dengan itu mungkin tambang untuk kapal terbang dan tambang kereta api boleh dikurangkan sedikit supaya lebih banyak rakyat Malaysia akan dapat melihat

lebih dekat lagi dan menikmati apa yang akan diadakan semasa Sukan Komanwel kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh B.32, Jabatan Hasil Dalam Negeri. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri apabila ianya telah di'corporatise'kan, dengan izin. Saya memberi tahniah kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, kerana lembaga ini telah bekerja dengan cekap untuk memungut cukai pendapatan. Ini boleh saya sebutkan di sini berdasar kepada pengalaman saya. Selama 25 tahun saya bertugas saya hanya mempunyai satu fail cukai pendapatan, dan saya selalu menerimanya di Kuching. Baru-baru ini kira-kira 3 bulan dahulu saya telah menerima satu lagi surat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan menggunakan fail yang baru dari Miri. Jadi, dengan itu saya telah mempunyai dua fail untuk cukai pendapatan. Saya pun pergi ke Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri di Miri dan memaklumkan pegawai di situ bahawa saya sudah ada fail cukai pendapatan selama 25 tahun, dan kenapa saya diberi lagi satu? Pegawai itu telah menasihati, "Kalau begini hendaklah tulis surat, hantar balik surat yang dikirimkan itu dan beritahu bahawa tuan sudah ada fail cukai pendapatan yang lama." Jadi, saya pun tulis kerana itu adalah arahan ataupun nasihat daripada lembaga tersebut.

Tetapi apa yang saya ingin ketengahkan di sini ialah sepatutnya tidaklah payah saya menulis lagi kepada lembaga tersebut kerana sudah dimaklumkan bahawa saya sudah ada satu fail cukai pendapatan dan saya baru sahaja menghantar submission, dengan izin, borang cukai kepada lembaga tersebut,

dan, tidak payahlah lagi saya mengirimkan surat untuk mengatakan bahawa saya tidak perlu dengan surat cukai yang baru itu.

Saya membuat teguran, untuk menyatakan bahawa lembaga tersebut adalah cekap dalam memungut cukai tetapi kalau boleh janganlah sampai membuat si pembayar cukai susah sehingga terpaksa menulis sekali lagi kepada jabatan tersebut disebabkan oleh kesilapan mereka sendiri.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Mana tahu ini kot Abdillah baru, kalau ada!

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Mungkin! Ya, ya terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dengan adanya peluang ini saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai masalah keadaan berjerebu yang kita alami pada masa ini. Keadaan berjerebu ini pernah kita alami beberapa tahun yang lalu dan usaha telah dibuat oleh kerajaan kita dan juga kerajaan negara yang berkenaan seperti Indonesia untuk menangani keadaan berjerebu ini.

Pada masa itu difahamkan bahawa jerebu itu disebabkan oleh kebakaran hutan, kalau tidak salah saya di Kalimantan dan kali ini dikatakan ianya juga disebabkan oleh hutan terbakar di sebelah Sumatra. Selain daripada itu, saya percaya jerebu ini juga disebabkan oleh adanya beberapa open burning, dengan izin, yang dilakukan dalam negara kita sendiri di waktu musim panas seperti ini. Maka itulah yang menyebabkan keadaan berjerebu sekarang.

Jadi, apa yang ingin saya ketengahkan di sini ialah supaya kerajaan akan terus berusaha dengan negara-negara jiran kita untuk menangani bersama keadaan berjerebu ini. Dari masa ke semasa keadaan berjerebu ini menjadi

semakin teruk dan kita takut satu hari nanti ianya akan menjadi lebih teruk lagi sehingga ianya akan menggugat kesihatan dan juga keselamatan kita. Seperti apa yang kita maklum perkara yang tidak pernah berlaku dahulu seperti bencana alam sudah berlaku, misalnya kita selalu menonton dalam TV apabila banjir melanda sesebuah negeri ianya berlaku secara luar biasa dan begitu juga dengan angin taufan yang melanda sesebuah negeri dengan teruk. Mungkin bencana ini pernah ataupun tidak pernah berlaku sebelum itu. Kalau pun pernah berlaku tetapi ianya tidaklah sehebat seperti apa yang berlaku sekarang.

Keadaan ini mungkin disebabkan oleh adanya perubahan dalam keadaan alam persekitaran. Jadi, kalau kita tidak berjaga-jaga dan mengawal keadaan berjerebu ini mungkin ianya juga akan membawa bencana yang tidak diingini berlaku di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin juga menyentuh mengenai B.42. Peruntukan tambahan untuk kaum wanita yang diadakan adalah baik dan sehubungan dengan ini saya juga ingin membangkitkan keadaan yang tidak menyenangkan di mana terdapat ayah memperkosa anak-anak mereka ataupun orang yang sesama muhrim memperkosa anak-anak mereka dan yang sedihnya kebanyakan dari perkara begini berlaku di kalangan orang-orang Melayu ataupun dengan erti kata yang lain di kalangan orang-orang Islam.

Jadi, saya memandang berat terhadap perkara ini dan kenapa ianya boleh berlaku dengan secara luas di kalangan orang-orang Islam atau orang-orang Melayu pada hal kita telah dididik dan diajar mengenai agama bahawa perkara-perkara seperti itu bukan sahaja salah tetapi ianya juga dikutuk.

Saya berharap keadaan seperti ini dapat ditangani dan percaya ianya tidak dapat dikawal dengan hanya memberi hukuman berat sahaja tetapi juga dan penting ialah dengan memberi pendidikan terutama sekali pendidikan agama kepada pihak-pihak yang tertentu supaya perkara-perkara seperti ini tidak akan berlaku dengan berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini dan dengan ini saya ingin memaklumkan bahawa saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim. Ada lagi yang hendak berucap? Saya hendak tahu ada lagi yang hendak berucap ataupun sudah tidak ada. Kalau tidak ada yang bangun dalam masa lima saat tidak adalah. Saya minta pihak kerajaan menjawab.

**5.50 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Johan O.T. Ghani, Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng, Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar, Yang Berhormat Tuan Jinuin bin Jimin, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal,



Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim, Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail, Yang Berhormat Tuan Ding Seling, Yang Berhormat Tuan Janggu, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan akhir sekali Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim yang telah pun mengambil bahagian dalam membahaskan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba dengan suara yang sayu memmanifestasikan kesediaannya yang akan meninggalkan Dewan Negara ini setelah berkhidmat selama enam tahun dan saya dapati soalan-soalan Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba mengenai Kementerian Kewangan khususnya sungguh mencabar, kritikal, tajam dan juga dengan izin, penetrating. Dan saya banyak belajar dari jenis-jenis soalan yang dikemukakan oleh beliau dan saya rasakan soalan beliau agak lebih bagus daripada soalan separuh daripada Ahli Yang Berhormat dari Dewan Rakyat sendiri.

Saya rasakan kehilangan beliau nanti, ramai lagi yang akan membentangkan soalan-soalan yang begitu tajam kepada Kementerian Kewangan oleh kerana keadaan semasa yang bergolak dan saya mengucapkan beliau Selamat Pergi, Selamat Tinggal dan saya ingatkan Yang Berhormat Datuk Rahim akan lebih berjaya lagi mengejar cita-cita beliau nanti.

Yang Berhormat ....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yang Berhormat, saya minta duduk sekejap. Saya hendak minta pertukaran ya.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Johan O.T. Ghani telah pun menyatakan mengenai peruntukan-peruntukan dan pembangunan-pembangunan di Sabah. Untuk perhatian Ahli Yang Berhormat, di Sabah kita ada peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keenam sebanyak RM2.6 bilion dan Rancangan Malaysia Ketujuh kita ada sebanyak RM4.5 bilion dan begitu juga 'capitation grant' mengikut Kepala dan mengikut pembinaan jalan-jalan raya dan sebagainya nampaknya Sabah menerima ongkos yang agak banyak.

Yang Berhormat Datuk Johan O.T. Ghani juga telah mengatakan bahawa kerajaan memang peka terhadap keperluan untuk mengadakan sistem perhubungan udara yang sistematik di negeri Sabah, oleh itu beberapa projek pembangunan telah pun dipersetujui oleh kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk mempertingkatkan kemudahan lapangan terbang yang sedia ada dan juga membina lapangan terbang yang baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lapangan Terbang Labuan sedang dipertingkatkan dan kerja-kerja peningkatan telah mula dan projek ini dijangka akan siap pada penghujung tahun 1998.

Kerajaan juga telah bersetuju untuk membina sebuah lapangan terbang baru di Tawau dengan tindakan kerajaan sedemikian bilangan dan sistem lapangan terbang untuk Sabah memadai untuk menampung keperluan trafik bagi masa sekarang dan juga masa akan datang.

Dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga di Labuan nanti kita akan ceriakan lagi dengan beberapa aktiviti pelancongan dan juga akan melihat bahawa feri yang menghubungkan Pulau Labuan dengan tanah besar akan diadakan jeti dan jalan yang bagus supaya dapat orang-orang di Sabah dan juga di Sarawak pergi ke Labuan di masa-masa yang tertentu.

Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba telah meminta penjelasan mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh Bank Negara untuk menstabilkan ringgit Malaysia apabila negara-negara jiran seperti Thailand, Filipina mengenai tekanan spekulasi matawang dan kelembapan ekonomi. Dalam perkara yang sama juga Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba dan Yang Berhormat Tuan Haji Sairin telah menanyakan mengenai defisit imbalan perdagangan pada bulan Jun ini. Selain daripada itu pinjaman-pinjaman luar negara dan jenis-jenis matawang pinjaman kerajaan juga telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah mengambil tindakan awal, 'preemptive measure' mengenai pinjaman yang tidak produktif di dalam pasaran saham dan hartanah. Objektif langkah-langkah awalan yang dilaksanakan baru-baru ini sebagaimana yang telah pun dan Ahli Yang Berhormat sarankan adalah bertujuan untuk membendung pertumbuhan yang cepat dalam pemberian kredit bank untuk membiayai perkembangan sektor harta benda dan aktiviti pasaran modal untuk mengelakkan dari berlakunya 'asset-inflation bubble' yang mungkin melemahkan kemantapan sistem perbankan.

Di sektor harta-benda, petunjuk-petunjuk menandakan bahawa harga sudah menjadi agak stabil. Bagi keseluruhan sistem perbankan, terdapat peningkatan dalam kredit yang diberikan kepada sektor perkilangan dan untuk tujuan produktif yang lain.

Mengenai pergerakan nilai Ringgit Malaysia sekarang ini, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia adalah sebuah ekonomi yang terbuka. Oleh hal yang demikian, pergerakan ringgit bukan hanya mencerminkan prestasi ekonomi tempatan malah ia juga turut dipengaruhi oleh perkembangan pasaran pertukaran asing, terutamanya pergerakan matawang utama dunia dan serantau.

Dalam tempoh bulan Mei hingga Julai 1997, Baht Thailand mengalami tekanan spekulasi yang ketara berikutan kelembapan ekonomi dan krisis kewangan tempatan. Perkembangan ini telah mencetuskan tekanan spekulasi ke atas matawang serantau yang lain, termasuk ringgit.

Selepas pengapungan Baht Thailand pada 2 Julai 1997, turun naik yang diakibatkan oleh aktiviti spekulasi menyebabkan Ringgit juga tertekan. Setelah menyusut kepada tahap yang terendah pada US\$1=RM2.6530 pada 24 Julai, nilai Ringgit telah pulih pada lingkungan tahap RM2.61 hingga RM2.64 di penghujung bulan Julai.

Asas-asas ekonomi negara terus kukuh dan perkembangan terbaru dalam pasaran pertukaran asing ini adalah sementara sahaja, akibat perkembangan serantau dan pasaran kewangan antarabangsa seperti kenaikan nilai Dolar Amerika Syarikat akibat kejatuhan Deutschemark berikutan ketidakpastian

penyatuan kewangan di Eropah. Apabila aktiviti spekulasi ini reda, arah aliran Ringgit dijangka mencerminkan asas-asas ekonomi negara yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kadar pertukaran asing negara ialah membenarkan kuasa-kuasa pasaran menentukan nilai Ringgit berlandaskan asas-asas ekonomi negara. Walaupun tahap sasaran nilai Ringgit tidak ditetapkan, Bank Negara Malaysia akan campur tangan dalam pasaran pertukaran asing apabila wujud turun naik nilai Ringgit yang keterlaluan, terutamanya apabila ia disebabkan oleh aktiviti spekulasi yang tidak disokong oleh asas-asas ekonomi. Walau bagaimanapun, kesungguhan operasi campur tangan pada satu-satu masa tertentu adalah berubah-ubah bergantung kepada keadaan yang menyebabkan pergerakan turun naik nilai Ringgit berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, peratusan penurunan nilai oleh Ringgit Malaysia daripada Disember 1996 hingga 5 Ogos 1997 hanya 4% berbanding dengan Singapura - 4.6%, Pesos - 5.7%, Baht (yang paling teruk) - 18.8% dan Rupiah - 9%.

Yang Berhormat Datuk Rahim Baba dan Tuan Haji Sairin telah menanyakan mengenai imbalan perdagangan pada bulan Jun 1997. Perangkaan awal daripada Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa imbalan perdagangan pada bulan Jun 1997 mencatatkan defisit sebanyak RM2,797.1 juta berbanding dengan lebih sebanyak RM586.8 juta pada bulan Jun 1996. Eksport (FOB) telah meningkat sedikit pada kadar 2% daripada RM16,225.3 juta pada bulan Jun 1996 kepada RM16,544.2 juta pada bulan Jun 1997. Sebaliknya import (CIF) meningkat dengan lebih pesat sebanyak 23.7%

daripada RM15,638.5 juta kepada RM19,341.3 juta dalam bulan Jun 1997. Peningkatan import ini terutamanya disebabkan oleh pertambahan import, apa yang dikatakan, 'lumpy items' sebanyak RM1,832 juta pada bulan Jun 1997.

Ini meliputi import sebuah kapal tanker oleh PETRONAS sebanyak RM800 juta, pembelian kapal terbang oleh MAS sebanyak RM359 juta, pembelian empat buah kapal kargo/tanker oleh MISC sebanyak RM398 juta, pembelian kapal kargo/tanker oleh PNSL sebanyak RM74 juta dan pembelian kapal kargo/tanker oleh syarikat-syarikat swasta lain yang bernilai sebanyak RM201 juta.

Jika dibandingkan dengan bulan Mei 1997, import telah meningkat dengan pesat sebanyak 13.1% kepada RM19,341.3 juta berbanding dengan RM17,096 juta pada bulan Mei 1997. Sebaliknya eksport pada bulan Jun 1997 merosot sebanyak 4.1% kepada RM16,544.2 juta berbanding dengan RM17,252.2 juta pada bulan Mei 1997.

Bagi tempoh enam bulan pertama tahun 1997, Malaysia telah mencatatkan defisit perdagangan sebanyak RM2,748.6 juta berbanding dengan defisit sebanyak RM687.8 juta bagi tempoh yang sama tahun 1996. Eksport (FOB) dalam enam bulan pertama tahun 1997 telah meningkat sebanyak 1.9% daripada RM96,557.4 juta bagi tempoh enam bulan pertama tahun 1996 kepada RM98,382.9 juta, manakala import (CIF) meningkat pada kadar 4% daripada RM97,245.2 juta kepada RM101,131.5 juta bagi tempoh perbandingan yang sama.

Berasaskan perangkaan perdagangan luar Malaysia ini, akaun dagangan dalam imbalan pembayaran iaitu perbezaan di antara eksport dan import adalah dianggarkan mencatatkan lebih sebanyak RM2,286.8 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997.

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin dan Dato' Abdul Aziz menanyakan dalam soalan bertulisnya meminta jumlah pinjaman kerajaan dari luar negara dan mata wang yang terlibat. Mengenai jumlah dan jenis mata wang pinjaman luar kerajaan sehingga 30 Jun 1997 ialah sebanyak RM9,072 juta yang terdiri daripada 55% dalam mata wang Dolar Amerika Syarikat, 33% dalam mata wang Yen, 6% dalam mata wang Franc Switzerland dan 3% dalam mata wang Pound Sterling. Pinjaman luar kerajaan telah digunakan untuk pembiayaan projek pembangunan seperti pendidikan, pertanian, infrastruktur dan projek-projek pembangunan am yang lain. Pinjaman luar kerajaan akan dilunaskan sepenuhnya pada tahun 2034. Kerajaan sentiasa memastikan hutang luar dibayar balik mengikut jadual yang ditetapkan. Bagaimanapun, untuk mengurangkan beban bayaran khidmat hutang, kerajaan sentiasa mengawasi hutang pinjaman yang mempunyai kadar faedah yang tinggi dan/atau mata wang asing yang 'volatile' supaya mengambil peluang membayar balik awal (prepay) atau membiayai semula pinjaman tersebut (refinance) tertakluk kepada kedudukan kewangan kerajaan dan keadaan pasaran antarabangsa.

Bagi tempoh Januari 1996 hingga Jun 1997, kerajaan telah pun membayar balik awal sebanyak Yen 78,391 juta iaitu kira-kira RM1,704 juta dan membiayai semula sebanyak Yen 14,925 juta kira-kira RM336 juta.

Dengan langkah pembayaran awal/pembiayaan semula pinjaman Yen tersebut, kerajaan dapat menjimatkan bayaran faedah sebanyak RM295 juta.

Sehingga 30 Jun 1997, jumlah hutang dalam kerajaan ialah sebanyak RM74,470 juta dan jumlah tersebut telah digunakan untuk pembiayaan projek pembangunan. Baki dana kewangan yang masih boleh dipinjam oleh kerajaan adalah seperti berikut:-

	<b>Baki Hutang (RM Juta)</b>	<b>Had Pinjaman Yang Dibenarkan (RM Juta)</b>
Sekuriti Kerajaan Malaysia	64,590	90,000
Bil-bil Perbendaharaan	3,390	10,000
Terbitan Pelaburan Kerajaan	2,750	15,000
Pinjaman Perumahan	3,740	-

Kedudukan peratusan baki hutang luar negeri keseluruhan bagi Malaysia mengikut komposisi mata wang asing utama pada 31 Mac 1997 adalah seperti berikut:

<b>MATA WANG ASING</b>	<b>RM (JUTA)</b>	<b>%</b>
Dolar Amerika	52,282	73
Yen	11,750	16
Deutshemarks	999	1
Swiss Francs	726	1
Pound Sterling	863	1



Franc Perancis	2,434	3
lain-lain	2,888	4

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia amat berhemat dalam pengendalian ekonominya. Ini telah pun diutarakan sepertimana yang dikatakan oleh Tuan Haji Sairin tadi, Managing Director IMF Mr. Kamdesus mengenai inflasi Malaysia yang menurun kepada 3% dan penabungan kita pula agak tinggi sebanyak 38% dan perbelanjaan yang berhemat dapat memacu ekonomi negara yang mampan. Pihak kerajaan dan swasta juga memainkan peranan agar asset inflation tidak berlaku dengan menjadualkan semula bangunan-bangunan mega supaya penyiapannya tidak serentak yang boleh menimbulkan inflasi.

Yang Berhormat Datuk Rahim Baba, Datuk Ibrahim Ali, Puan Hajah Ramlah, Tuan Haji Abu Bakar, Tuan Mustafa Kamal, Tuan Hanapiah Ahmad, Tuan Haji Sairin, Dato' Haji Ahmad Ismail, Tuan Ding Seling, Tuan Janggu, Dato' Abdul Aziz dan Tuan Abdillah telah juga menyatakan masalah sampah yang bersepah di kota-kota raya. Di bawah B.14, kerajaan telah memperuntukkan RM3.5 juta untuk membiayai sebahagian kos pembelian lori-lori dan tong sampah. Enam pihak berkuasa tempatan yang mendapat manfaat daripada peruntukan ini ialah pihak berkuasa Sepang, Hulu Langat, Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan Majlis Daerah Langkawi.

Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri dan P.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, aktiviti yang berkaitan dengan pengindahan bandar, kerja landskap,

membina medan selera (food court), menaikkan taraf jalan dan siar kaki (pedestrian mall), pengurusan tandas awam, parit dan longkang telah juga diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dan pelaksanaan projek-projek ini tertakluk kepada perundingan dan persetujuan pihak EPU supaya tidak melebihi siling Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah diluluskan oleh kerajaan.

Kelmarin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyatakan bahawa kita akan meneruskan tiga perkara utama dalam pelaksanaan sampah-sarap ini. Pertamanya kita akan sediakan tong sampah yang banyak. Keduanya, menyelia pengangkutan sampah oleh pihak swasta supaya dapat sampah sarap itu diambil pada ketika dan waktunya dan yang ketiga, penguatkuasaan dan denda akan diberi kepada pembaling-pembaling atau penyebar-penyebar sampah yang tidak kehaluan itu.

Mengenai penyediaan dana oleh kerajaan negeri untuk menolong orang-orang Melayu mendapatkan rumah murah dan juga kedai-kedai, saya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang akan menyediakan dana sebanyak RM200 juta dan Kerajaan Negeri Perak RM150 juta dan diikuti oleh negeri-negeri yang lain. Kerajaan juga telah pun menubuhkan Suruhanjaya Perumahan Negara dan telah pun disuntik wang sebanyak RM1 bilion sebagai permulaan. Jadi, pandangan Yang Berhormat Datuk Rahim Baba mengenai ketidakberhasilan untuk mencapai objektif menempatkan orang-orang Melayu akan diambil ingatan supaya mekanisme yang sesuai akan dilaksanakan.

Yang Berhormat Tuan Jinuin dan Dato' Haji Ahmad Ismail telah pun menyarankan agar rumah kos rumah dan sistem pelaksanaan dan pengagihan di lihat semula. Kalau kita lihat bahawa kalau rumah kos rendah di negeri-negeri yang lain berharga RM25,000 tetapi saya rasakan di Pulau Pinang rumah murah yang paling rendah berharga lebih RM65,000 hingga RM85,000 kerana faktor tanah kerana di Pulau Pinang tanah merupakan satu perkara yang mahal. Dan sekarang ini apa yang berlaku sepertimana yang dikatakan oleh Dato' Haji Ahmad Ismail tadi, banyak orang yang telah mengambil rumah murah dan membesarkan rumah itu. Pada hemat saya ada dua perkara yang berlaku di sini. Pertamanya, kemungkinannya rumah murah itu dimiliki oleh orang-orang yang tidak mampu membeli banglo tetapi anaknya ramai, anaknya rajin belajar, pergi ke luar negara melanjutkan pelajaran dan selepas bekerja menjadi engineer dan profesional yang lain, menyumbang kepada ibu bapa mereka secara bulanan dan apa yang berlaku, yang telah saya dimaklumkan bahawa anak-anak yang begitu ramai ini menyumbang secara bulanan dan ibu bapa mereka telah menyambung rumah-rumah murah itu sebagai banglo untuk anak-anak mereka balik - membawa cucu mereka balik apabila hari perayaan. Tetapi, saya tidak nafikan juga ada perkara-perkara yang dikatakan oleh Dato' Haji Ahmad Ismail itu berlaku.

Sekarang ini apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri ialah supaya tiap-tiap orang yang hendak memiliki rumah murah, isi borang komputer yang berkenaan supaya dapat nama mereka dimasukkan ke dalam komputer dan kita akan mengetahui jika seseorang itu memohon dua atau tiga rumah bersekali di

tempat yang lain dan ada juga cadangan yang telah dibuat, apabila penghuni-penghuni itu telah dipilih, nama-nama mereka akan dipamerkan dan supaya orang lain, orang awam akan melihat pameran nama-nama itu dan membuat protes sama ada mereka telah menggunakan nama isteri, nama anak atau nama menantu untuk mendapatkan rumah sedangkan rumah mereka telah pun ada di tempat-tempat yang lain.

Mengenai ‘concern’ Yang Berhormat Datuk Rahim Baba bahawa syarikat yang beroperasi bertahun-tahun tetapi menyatakan bahawa perniagaan syarikat adalah rugi, LHDN sentiasa membuat pemantauan kepada kes-kes seperti ini dengan menghantar pegawai-pegawai ke syarikat-syarikat untuk menjalankan audit oleh Cawangan Penaksiran yang berkaitan atau cawangan syarikat yang berdekatan.

Yang Berhormat Datuk Rahim Baba bersama-sama dengan Tuan Janggu telah pun menyentuh mengenai perlumbaan Formula One, adalah satu cara yang terulung di dunia dan mempamerkan teknologi kereta yang terunggul. Penglibatan negara akan menunjukkan visi negara yang ingin melangkah ke satu pencapaian dan era baru di peringkat antarabangsa. Hasil publisiti dari kejohanan ini akan memberi kesan secara langsung kepada pertumbuhan sektor pelancongan dan kita harapkan pelancongan itu akan terus juga ke Sabah dan Sarawak. Kesannya juga akan dapat dirasai oleh beberapa sektor lain seperti kejuruteraan motor, teknologi automobil, perusahaan dan sebagainya. Setiap musim perlumbaan Formula One akan diadakan di tujuh belas sirkit perlumbaan. Liputan media bagi tujuh belas sirkit perlumbaan Formula One

akan menggarap 6.3 bilion penonton TV sebagai satu musim perlumbaan melalui lebih daripada 201 rangkaian TV di lima buah benua di samping 2.4 juta penonton yang berada di sirkit perlumbaan.

Jadi, dengan ramainya penonton - 6.3 bilion, kita mengharapkan investment kita itu dapat dilihat oleh penonton- penonton mengenai Malaysia dan sirkit-sirkit yang lain juga akan berikutan. Ada juga yang mengatakan bahawa natijah daripada perkara-perkara ini timbul juga perlumbaan-perlumbaan haram yang berlaku di tiap-tiap malam di kota raya - malam minggu dan apa yang dilakukan oleh pihak berkuasa polis sekarang ini ialah menangkap mereka dan membimbing mereka ke Shah Alam - kita ada satu sirkit perlumbaan di situ dan melepaskan mereka di situ supaya mereka dapat menunjukkan kemahiran mereka dalam perlumbaan dan bukan berlumba di tengah jalan raya.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah membangkitkan mengenai beberapa perkara yang menyentuh working vacation oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah yang baru, mengenai MSC dan juga mengenai George Soros yang membantu 26 NGOs menjalankan aktiviti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai MSC, kawasannya ialah merangkumi 15km x 50km bermula daripada Shah Alam Expressway di utara termasuk KLCC, KLIA di selatan highway Utara-Selatan dan Timur, highway tengah Utara-Selatan di Barat. MSC ini akan dilaksanakan oleh MDC yang akan

sedaya upaya untuk mencapai misinya sebagai master implementor, dengan izin, dengan menggunakan strategi-strategi yang disaingkan dengan MSC.

Jumlah RM30 juta untuk memberi pinjaman kepada MDC merupakan sebahagian daripada keseluruhan keperluan kewangan sebanyak RM350 juta yang merangkumi suntikan ekuiti dalam cyberview. Memandangkan bayaran kepada 10% ekuiti kepada cyberview perlu, maka pendahuluan sebanyak RM30 juta ini adalah diberi.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan juga Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba telah membangkitkan masalah kesesakan lalu lintas, masalah keselamatan jalan raya dan juga masalah lintasan kereta api (latar awam kereta api). Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh telah memperuntukkan sebanyak RM29 juta bagi membina lintasan bertingkat di seluruh negara. Enam kawasan yang berkenaan ialah Bukit Mertajam, Nibong Tebal, Padang Rengas, Gemas, Buloh Kasap dan Bukit Siput. Ini tidak termasuk lintasan latar di Pasir Mas. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan akan melihat kembali peruntukan dan projek yang ada dan kemungkinan Pasir Mas juga akan dimasukkan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh nanti, insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga menanyakan bilakah agaknya LRT di Kuala Lumpur dapat diselesaikan. Bagi sistem kedua LRT yang dijalankan oleh Syarikat Putra, Fasa I dari Subang Depo ke Pasar Seni akan siap bulan Julai 1998. Bagi Fasa II, Pasar Seni ke Gombak bulan Jun

1999. Bagi sistem pertama oleh Syarikat Star, Fasa I telah pun siap dan Fasa II ke Bukit Jalil akan siap pertengahan tahun hadapan. Manakala sistem Monorel, Fasa I daripada Depo Jalan Tun Razak ke Brickfield akan disiapkan menjelang Sukan Komanwel nanti. Insya-Allah, semuanya akan mengikut jadual.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga telah mencadangkan supaya Lapangan Terbang Sultan Ismail, Kota Bharu hendaklah diperbesarkan, ini memandangkan lapangan terbang tersebut sangat sibuk sekarang ini. Ini juga telah disuarakan oleh Yang Berhormat. Jawapannya ialah kerajaan tidak bercadang untuk membesarkan Lapangan Terbang Sultan Ismail, Kota Bharu kerana infrastruktur lapangan terbang yang sedia ada adalah memadai untuk mengendalikan keperluan penumpang semasa dan beberapa tahun yang akan datang. Jadi, buat sementara waktu ini Lapangan Terbang Sultan Ismail boleh menampung penumpang-penumpang.

Begitu juga Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad mencadangkan supaya diadakan lapangan terbang di Perlis, apakah pandangan kerajaan terhadap perkara ini memandangkan terdapat cadangan pembinaan lapangan terbang wilayah Utara. Ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

Berkenaan dengan cadangan mengadakan sebuah lapangan terbang di Perlis, kerajaan perlu mengkaji semula cadangan tersebut. Ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman meminta lapangan terbang internasional di Kuantan. Kita akan melihat bahawa sebuah lapangan terbang wilayah Utara akan dibina di pinggir laut Kuala Muda

untuk menampung keperluan trafik di wilayah Utara yang termasuk negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Ini adalah merupakan di peringkat conceptual sahaja dahulu, belum lagi nyata, oleh kerana kita memerlukan satu lapangan terbang yang besar untuk menampung IMT-GT (Indonesia-Malaysia-Thailand - Growth Triangle). Jadi, dengan adanya satu lapangan terbang yang besar dapat menampung negeri-negeri yang diutarakan.

Walau bagaimanapun, untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi, untuk mendapatkan satu lapangan terbang antarabangsa di Kuantan, kita perlu memerhatikan perkembangan-perkembangan di negara ASEAN dahulu. Sekiranya nanti Kemboja masuk dalam ASEAN, barulah kita memikirkan sama ada kita hendak adakan lapangan terbang dan juga kereta api yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi.

Pertanyaan Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng mengenai masalah Akta Perlindungan Wanita dan penceraian yang begitu banyak berlaku. Untuk maklumat Yang Berhormat, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis telah menetapkan bahawa sesiapa sahaja di kalangan wanita dan gadis yang berumur di bawah 21 tahun dianggap perlu diberikan perlindungan di bawah akta ini. Oleh itu, dalam kes-kes serbuan yang dilakukan, sekiranya didapati ada di kalangan mereka yang difikirkan mencurigakan dan akan terjebak di dalam perkara-perkara yang tidak bermoral, akan diambil tindakan dengan niat untuk melindungi mereka. Dalam hal ini, tidak timbul soal mereka teraniaya.

Tindakan penguatkuasa yang dilakukan oleh agensi-agensi penguatkuasa di bawah akta ini tertakluk kepada seksyen 7, iaitu kuasa menangkap dan



seksyen 8, kuasa menahan mereka yang terlibat. Untuk melaksanakan, terdapat beberapa prosedur yang perlu dipatuhi, dengan itu, ianya sudah pasti akan mengambil masa. Prosedurnya ialah di bawah peruntukan seksyen 7(2), seksyen 8(1) dan seksyen 8(2) Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973.

Prosedurnya seperti berikut:

- menerima kes dari pihak polis di mana wanita dan gadis di bawah umur 21 tahun disyaki digunakan untuk pelacuran, terdedah kepada bahaya moral dan sebagainya;
- menerima dan membaca laporan polis itu, temu bual dengan kes untuk mendapatkan laporan ringkas mengenai keluarga dan penglibatan kes;
- memberi penerangan kepada kes dan keluarga sekiranya ada perintah tahan sementara dipohon;
- mengiringi kes ke institusi-institusi yang berkenaan;
- memaklumkan kepada keluarga mengenai penahanan kes;
- menghantar saman kepada keluarga dan pegawai polis untuk hadir inquiry pada perbicaraan;
- menjalankan inquiry pada tarikh yang telah ditetapkan dan penyediaan laporan sosial;
- untuk perbicaraan mahkamah - membawa kes ke mahkamah, kemukakan laporan inquiry dan laporan sosial, menasihatkan mahkamah mengenai perbekalan undang-undang, mendapatkan perintah mahkamah, menerangkan kepada ibu

bapa mengenai keputusan mahkamah, mengiringi kes ke institusi sekiranya diperintah masuk ke pusat perlindungan.

Jadi, ini prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.

Mengenai concern Yang Berhormat tentang perceraian, saya rasa di Pulau Pinang hanya 203 kes sahaja pada bulan Mac 1997, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 211 kes dan di Selangor Darul Ehsan hanya 13 kes.

Saya telah pun memohon pagi tadi untuk mendapatkan angka perceraian di kalangan orang Islam di Selangor dan saya lihat bahawa bilangannya tidaklah berapa ketara. Walau bagaimanapun, saya telah mendapatkan satu kajian yang dibuat oleh Dr. Mizan Adiliah binti Ahmad Ibrahim, Ketua Penyelidik dalam Jawatankuasa MAIS, dan beliau sekarang ini ditempatkan di Universiti Pertanian Malaysia. Antara penemuan kajian ialah:

- Penyemakan semula kurikulum kursus perkahwinan adalah perlu untuk mengatasi masalah ini.
- Pendekatan pengetahuan dan penghayatan agama amat penting.
- Kemahiran keibubapaan (parenting skill) patut diajar kembali, bukan sahaja kepada ibu bapa yang telah berkahwin tetapi juga kepada bakal-bakal pengantin.
- Mengadakan ujian kesihatan kepada mereka yang ingin berkahwin. Ini masalah HIV, jangkitan dan sebagainya yang telah diperdebatkan ketika dahulu.

- Memperhebatkan penyebaran maklumat mengenai perkahwinan dan kekeluargaan di dalam Islam. Ini pun penting kerana ramai yang tidak tahu undang-undang dan sebagainya.
- Pertolongan kepada perkahwinan yang bermasalah. Kita ada kaunselor untuk sama-sama kita membuat intervensi dalam kelompok yang berkenaan.

Jadi, inilah yang telah dibuat oleh Jabatan Agama Islam Selangor, satu kajian yang telah diadakan dan beberapa cadangan yang telah dikemukakan dan diterima oleh Majlis.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, Yang Berhormat Tuan Ding Seling dan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail telah menyentuh mengenai masalah sosial. Oleh kerana rumah kecil, anak-anak memang tidak diberi layanan, tidak diterima untuk berada di dalam rumah pada waktu siang, jadi mereka berkeliaran di luar rumah. Apa yang telah dilakukan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bahawa Pelan Induk Tindakan Sosial Negara (PINTAS) baru sahaja diluluskan dan semua pihak yang terlibat telah pun memulakan tindakan susulan ke arah melaksanakan syor-syor dan saranan di dalam pelan tersebut. Oleh kerana itu, adalah terlalu awal untuk menilai keberkesanannya. Walau bagaimanapun, tindakan di bawah program Pencegahan, Pemulihan dan Penguatkuasaan akan terus dijalankan oleh jabatan dan agensi yang berkenaan.

Penilaian ke atas keberkesanan peranan pusat-pusat pemulihan akhlak seharusnya disandarkan kepada maklumat penubuhannya, iaitu memulihkan mereka yang terjebak melalui program kaunseling, latihan kemahiran, latihan fizikal dan latihan yang berbentuk kerohanian. Meneliti kepada asas itu, adalah tidak benar sekiranya ada pihak yang mengatakan pusat-pusat pemulihan akhlak gagal di dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab penubuhannya.

Berkenaan dengan dakwaan berlakunya kegiatan yang tidak diingini di kalangan kakitangan dengan penghuni di pusat-pusat pemulihan akhlak, kementerian tidak ada menerima laporan rasmi mengenainya. Kementerian memang memandang serius sekiranya kejadian tersebut berlaku dan sudah pasti akan mengambil tindakan yang tegas kepada mereka yang terlibat.

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail telah menanyakan tentang pembayaran cukai secara automatik dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat telah pun menyatakan bahawa jika lambat bayar akan didenda, dipenalti, tetapi apabila terlebih bayar, lambat sangat LHDN memulangkan balik. Dahulu kerajaan telah berjanji untuk memulangkan bayaran-bayaran yang terlebih ini dalam masa tempoh tiga bulan dan penggal yang lepas kita akan cuba membuat bayaran balik satu bulan. Pada saya, di Sabah dan Sarawak tidak ada masalah kerana kita membuat pemotongan secara semasa (concurrent) tetapi untuk Persekutuan, oleh kerana kita hantar dua borang, satu borang taksiran anggaran sahaja dan satu borang yang menepati perbelanjaan. Jadi, selalunya borang taksiran anggaran ini terlebih daripada borang yang sebenar (real). Jadi, kerajaan telah memutuskan bahawa belanjawan pembangunan

sebanyak RM140 juta untuk mempertingkatkan keupayaan komputer antara tahun 1995 hingga 1999 supaya dapat nama-nama mereka ini dimasukkan. Mengenai potongan ini kerajaan telah bersetuju untuk menurunkan kadar potongan pada tahun ini untuk memastikan jumlah potongan tidak melebihi jumlah cukai yang ditaksirkan pada satu-satu tahun. Jadi selalunya taksiran itu lebih tinggi daripada jumlah cukai yang sebenar. Sekarang ini apa yang kita sudah buat, kita hendak rendahkan jumlah taksiran supaya serata dengan jumlah cukai yang sebenar.

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail juga telah membangkitkan mengenai Lapangan Terbang Pulau Pinang. Saya juga merasakan sentimen beliau dengan cadangan pembinaan lapangan terbang di wilayah Utara, kepentingan negeri-negeri utara diambil kira tetapi mengapa nanti tidak diambil kira tentang kejejasan terutamanya di Pulau Pinang. Sama ada boleh atau tidak landasan di Pulau Pinang itu disambung begitu sahaja, dibesarkan, supaya dapat menjadikan ia satu pusat lapangan terbang antarabangsa untuk IMT-GT. Walau bagaimanapun, beliau menyarankan bahawa beliau akur kepada pucuk pemimpin.

Status lapangan terbang Pulau Pinang tidak berubah, malah usaha-usaha telah dirancang oleh Malaysia Airport Bhd. untuk meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan lapangan terbang Pulau Pinang, khususnya kemudahan kargo dan kompleks akan diperbesarkan lagi untuk mengendalikan muatan melebihi 100,000 metrik yang sedia ada sekarang. Kerajaan akan mengambil perhatian yang disampaikan kepada Malaysia Airport Bhd. tentang harga

makanan yang begitu melambung tinggi, sebagaimana yang telah dinyatakan dan untuk memastikan bahawa harga itu adalah bersesuaian dan berpatutan sepertimana yang telah pun dimasukkan dalam tender yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi saranan-saranan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat kita, terutama sekali Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin menyentuh mengenai ketidakpuasan hati beliau tentang Orang Batik dieksploitasi untuk pelancong di mana Orang Batik ini tidak memakai baju, cuma memakai pakaian kain sahaja dan Orang Batik ini seramai 20 keluarga iaitu 109 orang dan sudah dianggap sebagai cara hidup mereka begitu.....

## **USUL**

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**6.30 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### **Pembaharuan Dalam Sistem Pendidikan**

**6.30 ptg.**

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, keghairahan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak untuk menyuntik pembaharuan dalam sistem pendidikan negara nampaknya tidak pernah surut. Sifat kreatif Menteri Pendidikan ini seharusnya mendapat kepujian. Selepas memperkenalkan beberapa pembaharuan terhadap pendidikan tinggi, baru-baru ini beliau mengalihkan pula perhatian terhadap pendidikan menengah. Dua rancangan sudah pun diumumkan. Pertama, 3 peperiksaan di peringkat menengah yang ada sekarang, iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) akan dimansuhkan. Sebagai ganti, 2 peperiksaan tahap menengah akan diperkenalkan iaitu satu diambil ketika para pelajar berada pada tahap keempat pengajian menengah mereka, dan satu lagi 2 tahun kemudian. Di bawah rancangan itu pendidikan menengah akan ditingkatkan kepada hanya 6 tahun berbanding 7 tahun sekarang.

Kedua, Program Matrikulasi untuk para pelajar yang mendapat keputusan cemerlang lulusan SPM sekarang yang membolehkan mereka terus ke universiti tanpa mengambil peperiksaan STPM juga akan dimansuhkan. Alasan yang diberikan oleh Menteri Pendidikan itu ialah Program Matrikulasi yang selama ini dikendalikan dan diuruskan oleh universiti-universiti tempatan

memakan belanja yang besar kerana terlibat dengan pengajaran Matrikulasi itu terdiri daripada profesor madya. Sebenarnya Menteri Pendidikan mahu membebaskan tenaga akademik pengajian tinggi, pertama untuk mengajar para siswa. Kedua, melakukan lebih banyak penyelidikan, dan ketiga, menghasilkan karya-karya akademik.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijangka pembaharuan yang mahu diperkenalkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Najib ini mendapat reaksi yang pelbagai. Reaksi terhadap rancangan pertama nampaknya diterima dengan baik. Ini kerana apa yang cuba dibuat oleh Menteri Pendidikan sebenarnya sudah lama dilaksanakan di beberapa negara lain. Lagi pun apa yang mahu dilakukan itu sebenarnya mencontohi 2 peperiksaan peringkat menengah yang terdapat di United Kingdom, iaitu peperiksaan Ordinary dan Advance Level, dengan izin. Bagaimanapun, rancangan kedua, nampaknya tidak begitu disenangi terutama di kalangan tokoh-tokoh Melayu. Mereka meminta Menteri Pendidikan menilai semula pemansuhan yang dirancang itu. Menurut mereka sekiranya Program Matrikulasi itu dihapuskan, yang akan mengalami kerugian besar ialah para pelajar Melayu itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya pandangan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh Melayu itu memang berasas. Ini kerana Program Matrikulasi diperkenalkan pada mulanya adalah untuk memperbanyakkan pelajar Melayu memasuki bidang-bidang sains, teknologi, teknikal dan profesional yang lain di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini. Tidak ada siapa yang dapat menafikan bahawa Program Matrikulasilah yang bertanggungjawab mengisi



tempat-tempat untuk belajar dalam bidang perubatan dan bidang-bidang sains lain di UKM, USM, UM dan lain-lain.

Anak-anak Melayu yang lulus cemerlang di peringkat SPM yang kemudian disalurkan ke Program Matrikulasi ternyata telah membuktikan kebolehan mereka untuk bersaing dengan pelajar-pelajar bukan Melayu yang lain. Kita harus akui bahawa bilangan profesional Melayu itu sekali pun sudah bertambah, tetapi kedudukan mereka berbanding dengan bukan Melayu masih lagi jauh ketinggalan. Tentulah kedudukan itu akan lebih buruk sekiranya Program Matrikulasi yang sudah berjasa itu dihapuskan sekarang.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini ada lebih 100,000 penuntut bumiputera mendapat faedah daripada Program Matrikulasi di universiti sejak ia diperkenalkan kira-kira 20 tahun yang lalu. Memandangkan jasa besar Program Matrikulasi itu, sekiranya benar ia mahu dihapuskan juga atas sebab kos, maka Kementerian Pendidikan perlulah memikirkan sebagaimana kepentingan pembinaan bangsa untuk menjamin profesional Melayu tidak terus tertinggal dan dapat dijaga. Jika Kementerian Pendidikan gagal mengambil kira faktor itu, maka saya fikir negara akan menghadapi padah ketidakseimbangan profesional Melayu dan bukan Melayu yang lebih serius pada tahun-tahun mendatang dan hal ini boleh menimbulkan keresahan dan ketegangan sosial yang bukan-bukan seperti yang pernah wujud sebelum tercetusnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Sekian, terima kasih.

**6.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.**

**Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan, ada 5 perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat rakan saya Senator Dato' Haji Ahmad bin Ismail sebentar tadi. Yang pertama sekali ialah tentang soal pembaharuan dalam sistem pendidikan. Suka saya jelaskan bahawa Kementerian Pendidikan memperkenalkan beberapa pembaharuan bersesuaian dengan cabaran abad ke-21 dan memenuhi hasrat Wawasan 2020. Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang sedang dilaksanakan merupakan kurikulum bersepadu antara akademik dan pembentukan unsur-unsur kerohanian.

Di samping itu, persekolahan satu sesi dengan waktu dipanjangkan sedang dilaksanakan secara percubaan. Dalam sistem persekolahan satu sesi tersebut, tambahan masa 110 minit sehari diperkenalkan. Tambahan masa dilakukan ke atas mata pelajaran bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral serta mata pelajaran Komputer bagi Tingkatan I hingga Tingkatan III. Penggubalan Akta Pendidikan 1996 telah dibuat bagi membolehkan sistem pendidikan mengadakan reformasi sesuai dengan cabaran-cabaran masa depan. Di samping itu, penubuhan Majlis Pendidikan Tinggi Nasional dan Lembaga Akreditasi Negara akan dapat menjamin kualiti pendidikan tinggi sejajar dengan hasrat menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan ilmu. Taraf latihan guru juga dipertingkatkan daripada taraf sijil kepada diploma. Di peringkat sekolah menengah khususnya

peniswazahan guru dilaksanakan dengan memberi peluang guru-guru bukan berijazah melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah.

Sekolah bestari pula merupakan satu reformasi dalam sistem pendidikan Malaysia yang menggunakan teknologi multimedia terkini sebagai alat yang membantu pengajaran, pembelajaran dan pengurusan di sekolah secara menyeluruh dan bersepadu. Pengukuhan sistem maklumat pengurusan pendidikan yang dikumpulkan secara elektronik adalah satu lagi pembaharuan dalam sistem pengurusan pendidikan, ditambah dengan penggunaan komputer dan peralatan elektronik dalam pengurusan bagi mewujudkan sistem pentadbiran pengurusan pendidikan elektronik.

Soal pemansuhan peperiksaan di peringkat menengah, suka saya jelaskan, pada masa ini Kementerian Pendidikan sedang menyemak semula dan mengkaji sistem peperiksaan secara keseluruhannya selaras dengan perkembangan reformasi pendidikan semasa bagi menghadapi alaf akan datang. Perkembangan dalam sistem pendidikan khususnya kajian tentang penstrukturan semula persekolahan, pengwujudan sekolah bestari, penekanan terhadap kemahiran berfikir, penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan dan sebagainya, secara langsung dan tidak langsung menyebabkan timbul keperluan untuk melihat kembali fungsi, peranan dan pelaksanaan sistem peperiksaan yang kini sudah berjalan lebih daripada 4 abad lamanya supaya sejajar dengan perubahan semasa.

Keputusan untuk memansuhkan peperiksaan di peringkat menengah atau sebaliknya bergantung kepada keputusan-keputusan terhadap perkara di atas

dan hala tuju sistem pendidikan negara. Walau bagaimanapun, beberapa prinsip atau pegangan akan diikuti dalam sistem peperiksaan. Antaranya ialah seperti berikut:-

- (i) perlunya ada satu peperiksaan simentif di akhir sekolah menengah yang sijilnya diiktiraf di peringkat antarabangsa;
- (ii) pelaksanaan peperiksaan hendaklah lebih luwes dan mesra guna oleh pelanggan daripada yang ada kini; dan
- (iii) peperiksaan yang diadakan perlu memberi kesan positif dan bermakna kepada sistem pendidikan negara.

Perkara ketiga tentang pemansuhan Program Matrikulasi. Kementerian Pendidikan tidak berhasrat menghapuskan Program Matrikulasi dalam jangka masa terdekat. Sebaliknya Kementerian Pendidikan cuba mengenal pasti bagaimana program ini boleh diperkukuhkan atau dibuat perubahan mengikut kesesuaian.

Mengenai penstrukturan semula sistem persekolahan, ia masih di peringkat kajian dan perlu diperhalusi dengan mendalam sama ada kebolehlaksanaannya dapat dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Justeru itu, tidak sewajarnya wujud keresahan serta ketegangan sosial seperti yang didakwa kerana keputusan menghapuskan Program Matrikulasi belum dibuat. Apa yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan ialah mencari satu pendekatan bagaimana program ini boleh dipertingkatkan keberkesannya dan

kecekapan pengurusannya supaya ia dapat dijadikan satu pendekatan terbaik khususnya di kalangan pelajar-pelajar bumiputera.

Perkara keempat ialah tentang reaksi tokoh-tokoh Melayu terhadap perubahan dan pembaharuan yang dikatakan tadi. Perubahan dan pembaharuan dalam sistem pendidikan bertujuan untuk menyediakan negara kita bagi menangani cabaran abad ke-21 dan memenuhi Wawasan 2020. Daripada maklum balas yang diterima oleh Kementerian Pendidikan, tokoh-tokoh Melayu yang memahami tentang hasrat ini menyokong perubahan-perubahan dan pembaharuan-pembaharuan yang sedang dijalankan. Hanya terdapat segelintir tokoh yang tidak memahami matlamat pembaharuan-pembaharuan ini menyuarakan keraguan mereka. Sebenarnya mereka ini jugalah yang menyuarakan keraguan mereka terhadap segala program pembangunan yang sedang pesat dijalankan oleh kerajaan.

Perkara kelima yang dibangkitkan ialah soal ketidakseimbangan profesional Melayu dan bukan Melayu. Saya suka tegaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan sememangnya menjurus kepada usaha bagi memastikan wujudnya penyertaan yang saksama dari semua kaum dalam pendidikan termasuklah memastikan penyertaan golongan bumiputera dalam bidang ikhtisas agar seimbang dengan penyertaan dengan kaum-kaum lain di negara ini nanti. Dalam memastikan golongan bumiputera mendapat peluang di peringkat pendidikan tinggi terutama dalam bidang-bidang profesional, kerajaan telah mengadakan Program Matrikulasi di universiti-universiti tempatan dengan

tujuan untuk mengatasi masalah kekurangan pelajar bumiputera dalam bidang sains dan teknologi di universiti-universiti awam.

Di samping itu, langkah kerajaan memberikan kuasa kepada Institut Teknologi MARA untuk menganugerahkan ijazah hingga ke Ph.D juga adalah bertujuan untuk menambahkan bilangan bumiputera dalam bidang ikhtisas. Selain daripada itu, pihak kerajaan juga menyedari akan kekurangan penyertaan pelajar bumiputera di institusi pendidikan tinggi swasta. Justeru itu, Tabung Pendidikan Nasional telah ditubuhkan untuk membiayai pelajar bumiputera dalam bidang sains dan teknologi. Dengan langkah demikian, kerajaan berharap akan dapat meningkatkan profesional bumiputera dari masa ke semasa melalui Dasar Pendidikan Negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul Penangguhan ini dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis ini akan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 11 Ogos 1997.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.***

